

PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG

PENANG DEVELOPMENT CORPORATION



**LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT**

2022

ISI KANDUNGAN

CONTENTS



VISI & MISI <i>VISION & MISSION</i>	03	KEJAYAAN UTAMA & PENCAPAIAN SIGNIFIKAN PERINGKAT JABATAN <i>KEY ACHIEVEMENTS & SIGNIFICANT DEPARTMENTAL ACCOMPLISHMENTS</i>	22
STRUKTUR ORGANISASI <i>ORGANISATIONAL STRUCTURE</i>	05		
Ahli Lembaga <i>Members of the Board</i>	06	Pelan Strategik PDC 2019-2023 <i>PDC Strategic Plan 2019-2023</i>	23
Carta Organisasi <i>Organisational Chart</i>	08	Pengurusan dan Pembangunan Tanah <i>Land Management and Development</i>	32
PERUTUSAN Pengerusi <i>MESSAGE FROM THE CHAIRMAN</i>	10	Pengurusan Hartanah <i>Property Management</i>	48
		Pembangunan Keusahawanan <i>Entrepreneurial Development</i>	51
PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF <i>MESSAGE FROM THE CHIEF EXECUTIVE OFFICER</i>	17	Pelaburan <i>Investment</i>	58
		Korporat <i>Corporate</i>	73
		Tanggungjawab Sosial Korporat <i>Corporate Social Responsibility</i>	90
		PENYATA KEWANGAN <i>FINANCIAL STATEMENT</i>	100



VISI & MISI

VISION & MISSION

VISI & MISI | VISION & MISSION

Visi

Vision

Untuk menjadi organisasi utama negara dalam menjadikan Pulau Pinang negeri yang kondusif bagi kelestarian pembangunan sosio-ekonomi.

To be the national premier organisation in making Penang a better place for all through sustainable socio-economic development.



Misi

Mission

Untuk memenuhi keperluan pemegang kepentingan PDC agar selari dengan aspirasi kerajaan negeri.

To meet our stakeholders' needs in line with state's aspiration.



Struktur Organisasi

Organisational Structure

STRUKTUR ORGANISASI | ORGANISATIONAL STRUCTURE

Ahli Lembaga

Members of the Board



**YAB. TUAN
CHOW KON YEOW**



**YB. DATO' IR. HAJI
AHMAD ZAKIYUDDIN
BIN ABDUL RAHMAN**



**YB. TUAN PROF.
DR. P. RAMASAMY
A/L PALANISAMY**



**YB. TUAN
JAGDEEP SINGH DEO
A/L KARPAL SINGH**



**YB. TUAN
ZAIRIL KHIR JOHARI**



**YB. DATO' HAJI
ABDUL HALIM
BIN HAJI HUSSAIN**




**YBHG. DATO' SERI
LEE KAH CHOON**



**YB. DATO'
DR. AHMAD JAILANI
BIN MUHAMED YUNUS**



**YB. DATO'
DR. MOHAMAD FARAZI
BIN JOHARI**



**YBHG.
DATUK HANAFI
BIN SAKRI**



**ENCIK
ZULKHAIRIL AMAR
BIN MOHAMAD**



**ENCIK
MOHD SUKRI
BIN MAT JUSOH**



**YBRS. PUAN
NORUL FARHAH
BINTI MUSTAPHA**



**YB. PUAN
ZABIDAH
BINTI SAFAR**

STRUKTUR ORGANISASI | ORGANISATIONAL STRUCTURE

Carta Organisasi

Organisational Chart







Perutusan Pengerusi

*Message from
the Chairman*

PERUTUSAN PENERUSI MESSAGE FROM THE CHAIRMAN



YAB. TUAN CHOW KON YEOW

Ketua Menteri Pulau Pinang
Merangkap Pengerusi Perbadanan
Pembangunan Pulau Pinang

Pemegang Kepentingan yang Dihormati,

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan dan penyata kewangan konsolidasi Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) untuk tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2022 (TK2022).

Di sebalik jangkaan untuk pemulihan dalam ekonomi global, TK2022 telah dipenuhi dengan ketidaktentuan dan kelembapan dalam variasi pasaran. Cabaran dan halangan global ini sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan konflik Rusia-Ukraine dan akibatnya, keadaan kewangan yang semakin ketat di seluruh dunia, dan gangguan berkaitan COVID-19.

Namun demikian, kami ingin meyakinkan pihak pengurusan, kakitangan, pihak berkepentingan, dan rakan kongsi kami bahawa kami amatlah komited demi menyeimbangkan usaha pertumbuhan ekonomi dan mengekalkan keuntungan dan daya tahan yang mampan bagi negeri Pulau Pinang.

“
**Penang2030:
Negeri Pintar dan Hijau
Berteraskan Keluarga
Inspirasi Negara**”

Perancangan Strategik untuk Masa Depan yang Berkembang Maju

Sebagai agensi pembangunan utama Pulau Pinang, PDC bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan inisiatif pembangunan negara demi merealisasikan Visi dan Misi kami, serta visi “Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara”. Terdapat empat tema saling berkait yang terdapat dalam Penang2030:

- Tema 1** - Meningkatkan daya huni bagi menambah baik kualiti kehidupan
- Tema 2** - Menaik taraf ekonomi bagi meningkatkan pendapatan isi rumah
- Tema 3** - Memperkasa rakyat bagi meningkatkan penyertaan sivik
- Tema 4** - Melabur dalam persekitaran terbina bagi menambah baik daya pemulihan

Pada tahun tinjauan, Fasa 2: Memacu Penang2030 (2022-2025) sedang berjalan dengan baik dan berlandaskan kepada satu set tiga inisiatif, iaitu (1) Inisiatif ‘Placemaking’, (2) Inisiatif Membina Komuniti, dan (3) Inisiatif Penglibatan Industri. Inisiatif-inisiatif ini berfungsi sebagai rangka tindakan untuk membantu pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang, memperkasakan komuniti tempatan, dan menyatukan agensi kerajaan dan wakil-wakil untuk memberi impak positif kepada masyarakat.

PERUTUSAN Pengerusi [samb.] MESSAGE FROM THE CHAIRMAN [con't]

Pembangunan Ekonomi di Pulau Pinang

Dalam menentukan arah jangka pendek dan jangka panjang PDC, kami terus melaksanakan Pelan Strategik PDC selama lima tahun (2019-2023), yang sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dan Prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

Walaupun ketidakpastian pasaran global, PDC telah berjaya memperoleh pelaburan untuk Pulau Pinang melalui penjualan dan penyewaan 152 ekar tanah industri kepada 18 syarikat, termasuk tiga syarikat di *Batu Kawan Industrial Park* (BKIP) (25 ekar), 11 syarikat di *Penang Science Park North* (PSPN) (60 ekar), dan satu syarikat di *Penang Science Park* (PSP) (3 ekar). Pada TK2022, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengalami peningkatan yang ketara dalam operasi mereka susulan masuknya pelaburan daripada Syarikat Multinasional (MNC) dalam tahun-tahun sebelumnya.

Penjualan dan penyewaan 152 ekar tanah industri kepada 18 syarikat

Tiga syarikat di *Batu Kawan Industrial Park* (BKIP) (25 ekar)

11 syarikat di *Penang Science Park North* (PSPN) (60 ekar)

Satu syarikat di *Penang Science Park* (PSP) (3 ekar).



PDC juga terus menyediakan tapak pembangunan dan kemudahan infrastruktur untuk menyokong pertumbuhan pesat sektor industri, perumahan, dan komersial di Bandar Cassia, Daerah Seberang Perai Selatan, *Penang Science Park North* (PSPN) dan Daerah Seberang Perai Tengah.

Didorong oleh pemulihan pasaran hartanah dan permintaan baharu terhadap ruang pejabat di Pulau Pinang, PDC telah memulakan pembangunan dua projek GBS baru di Technoplex, Bayan Lepas, iaitu *GBS By the Sea* dan bangunan *GBS TechSpace*.



Peralihan negara ke Fasa Endemik juga telah mendorong strategi PDC untuk memberikan nafas baharu kepada bangunan ikonik KOMTAR, dan menjadikannya destinasi pelancongan terkenal di negeri ini. Strategi pemuliharaan melibatkan usaha pemulihan dan peningkatan, serta aktiviti promosi di KOMTAR dan *KOMTAR Walk* untuk semua anggota masyarakat, termasuk pertunjukan Tarian Singa semasa Tahun Baru Cina, perayaan Hari Wanita, Bazar Ramadan, *Distinguished Gentlemen's Ride*, dan Kempen Derma Darah.

Berkaitan dengan pembangunan perumahan mampu milik, PDC kekal komited untuk menyediakan perumahan mampu milik bagi rakyat Pulau Pinang. Projek-projek yang telah siap dibina termasuk Dua Residensi, Jiran Residensi Kg Jawa, dan Suria 1, manakala projek-projek dalam pembinaan termasuk Cassia Cempaka (Fasa 1), *Cecil Residency*, dan Pangsapuri Mak Mandin Indah.

Meningkatkan Keunggulan Hari Ini dan Seterusnya

Tahun 2022 merupakan tahun penting yang menandakan Jubli Emas Perindustrian di Pulau Pinang, di mana sambutan sepanjang tahun diadakan untuk memperingati transformasi negeri ini selama 50 tahun dalam bidang perindustrian.

Dalam persiapan untuk perjalanan digitalisasi Pulau Pinang, kami akan mengukuhkan komitmen kami untuk memberi tumpuan kepada industri-industri yang berkembang pesat, teknologi-teknologi Revolusi Industri Keempat (4IR), serta rangka kerja ESG dan kelestarian untuk meningkatkan produktiviti, mencipta peluang pekerjaan, dan mengekalkan bakat.

Pada masa yang sama, PDC sedar akan keperluan untuk melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja sedia ada untuk menangani jurang kemahiran yang mungkin timbul. Dengan melakukan ini, kami memperkasakan aset terbesar PDC dengan kemahiran dan pengetahuan baharu untuk memenuhi permintaan pasaran yang berubah dan mencapai Visi, Misi, dan Pelan Strategik PDC.



Penghargaan

Akhir sekali, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan penghargaan yang mendalam kepada Lembaga Pengarah dan Pihak Pengurusan PDC, Ahli-ahli Pasukan KPI, Ahli-ahli Jawatankuasa Audit, serta semua kakitangan PDC atas profesionalisme dan dedikasi yang tidak berbelah bahagi dalam menjalankan tugas mereka untuk kemajuan Pulau Pinang.

Bersama-sama, marilah kita kekal teguh dan melaksanakan peranan masing-masing untuk meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi penduduk Pulau Pinang dalam tahun-tahun mendatang.

Terima kasih.

YAB. TUAN CHOW KON YEOW

Ketua Menteri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

PERUTUSAN Pengerusi [samb.] MESSAGE FROM THE CHAIRMAN [con't]



YAB. TUAN CHOW KON YEOW

Chief Minister of Penang
cum Chairman of
Penang Development Corporation

Dear Valued Stakeholders,

On behalf of the Board of Directors, I am pleased to present the annual report and consolidated financial statements of Penang Development Corporation (PDC) for the financial year ended 31 December 2022 (FY2022).

Amid expectations for rebounds in the global economy, FY2022 was fraught with uncertainties and slowdowns in various markets. These challenges and global headwinds were largely due in part to the escalating Russia-Ukraine conflict and its consequences, tightening monetary conditions worldwide, and COVID-19-related disruptions.

Nonetheless, we would like to reassure our management, staff, stakeholders and partners of our utmost commitment to balancing the pursuit of economic growth and maintaining the Penang state's sustainable profitability and resilience.

“
**Penang2030:
A Family-Focused Green
and Smart State that
Inspires the Nation**”

Strategic Planning for a Thriving Future

As the principal development agency for Penang, PDC collaborates with the State Government to implement nation-building initiatives to realise our Vision and Mission, as well as the vision of “Penang2030: A Family-Focused Green and Smart State that Inspires the Nation”. Four interconnected themes are embedded within Penang2030:

Theme 1 - Increase liveability to enhance quality of life

Theme 2 - Upgrade the economy to raise household incomes

Theme 3 - Empower people to strengthen civic participation

Theme 4 - Invest in the built environment to improve resilience

In the year under review, Phase 2: Accelerating Penang2030 (2022-2025) is well underway and is based on a set of three initiatives, namely (1) Placemaking Initiatives, (2) Community-building Initiatives and (3) Industry Engagement Initiatives. These initiatives serve as a blueprint for facilitating Penang's economic growth, empowering the local community and uniting government agencies and representatives to positively impact society.

Economic Development in Penang

In navigating the short- and long-term direction of PDC, we continue to implement the PDC Strategic Plan for five years (2019-2023), which aligns with the Sustainable Development Goals (SDGs) and Environmental, Social and Governance (ESG).

Despite global market uncertainties, PDC has managed to secure investment for Penang by selling and leasing 152 acres of industrial land to 18 companies, including three companies in Batu Kawan Industrial Park (BKIP) (25 acres), 11 companies in Penang Science Park North (PSPN) (60 acres), and a company in Penang Science Park (PSP) (3 acres). In FY2022, Small and Medium Enterprises (SMEs) saw a marked expansion of operations following the influx of investments from Multinational Corporations (MNCs) from preceding years.

Selling and leasing 152 acres of industrial land to 18 companies, including

Three companies in Batu Kawan Industrial Park (BKIP) (25 acres)

11 companies in Penang Science Park North (PSPN) (60 acres)

A company in Penang Science Park (PSP) (3 acres)



PDC also continued to provide development sites and infrastructure facilities to support the rapid growth of the industrial, housing, and commercial sectors in Bandar Cassia, South Seberang Perai District, Penang Science Park North (PSPN) and Central Seberang Perai District.

Driven by the rebound of the property market and the renewed demand for office spaces in Penang, PDC has commenced the development of two new GBS projects in Technoplex, Bayan Lepas, which are GBS By the Sea and the GBS TechSpace building.



The nation's transition into the Endemic Phase has also spurred PDC's strategies to breathe new life into the hallmark building, KOMTAR, and make it a popular tourist destination in the state. The revitalisation strategy entails restoration and upgrading efforts, and promotional activities at KOMTAR and KOMTAR Walk for all community members, including Lion Dance performances during the Chinese New Year, Women's Day celebrations, Ramadan Bazaar, Distinguished Gentlemen's Ride, and Blood Donation Campaign.

In regard to affordable housing development, PDC remains committed to providing affordable housing for the people of Penang. The completed projects include Dua Residensi, Jiran Residensi Kg Jawa, and Suria 1, whereas projects currently under construction include Cassia Cempaka (Phase 1), Cecil Residency, and Mak Mandin Indah Apartment.

PERUTUSAN Pengerusi [samb.] MESSAGE FROM THE CHAIRMAN [con't]

Enhancing Excellence Today and Beyond

2022 was a pivotal year marking the Golden Jubilee of Industrialisation in Penang, whereby a year-long celebration was held to commemorate the state's transformation over the past 50 years of industrialisation.

In preparation for Penang's digitalisation journey, we will further strengthen our commitment to focus on penetrating high-growth industries, Fourth Industrial Revolution (4IR) technologies, and ESG and sustainability frameworks to boost productivity, create job opportunities, and retain talent.

At the same time, PDC is cognisant of the need to retrain and up-skill existing employees to address potential skills gaps. In doing so, we empower PDC's greatest asset with new skills and knowledge to meet changing market demands and achieve PDC's Vision, Mission and Strategic Plan.



50 YEARS
OF EXCELLENCE
AND BEYOND

Acknowledgements

Finally, I would like to take this opportunity to express my deepest appreciation to the Board of Directors and Management of PDC, KPI Task Force Members, Audit Committee Members, as well as all PDC employees for their unwavering professionalism and dedication in their duties for the betterment of Penang.

Together, let us remain steadfast and do our part in improving the socioeconomic well-being of Penangites in the ensuing year.

Thank you.

YAB. TUAN CHOW KON YEOW

Chief Minister of Penang
cum Chairman of Penang Development Corporation



Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

*Message from the
Chief Executive Officer*

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MESSAGE FROM THE CHIEF EXECUTIVE OFFICER



DATO' AZIZ BIN BAKAR
Ketua Pegawai Eksekutif

Saya dengan sukacitanya ingin berkongsi dengan anda laporan tahunan terintegrasi kami untuk tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2022 (TK2022).

Tahun 2022 tidak terkecuali daripada cabaran, dengan pertumbuhan ekonomi global terhalang oleh ketegangan geopolitik, inflasi yang meningkat, keadaan kewangan yang semakin ketat, dan harga komoditi dan barangan yang mencatat rekod tertinggi. Namun begitu, PDC, sebagai sebuah agensi pembangunan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang mapan dan bereputasi tinggi, terus melaksanakan mandat kami melalui perancangan yang konsisten dan pelaksanaan pembangunan komprehensif untuk menerajui pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kualiti hidup di Pulau Pinang.

Menjaga Alam Sekitar, Kemajuan, dan Masyarakat

Dalam konteks ini, PDC akan terus maju melalui Pelan Strategik PDC yang telah ditetapkan (2019-2023), dengan sejumlah projek berimpak tinggi yang berlandaskan kepada tiga teras utama: (1) mewujudkan kawasan pertumbuhan baharu; (2) peningkatan nilai aset; dan (3) penggerak bagi inisiatif Kerajaan Negeri.

Antara inisiatif yang dirancang di bawah teras-teras yang telah ditetapkan ialah pembangunan Bandar Cassia sebagai perbandaran eko-bandar dan hab perubatan, peningkatan fasiliti di taman industri sedia ada, pembangunan 'linear waterfront' yang dicadangkan, dan penerokaan projek 'waste-to-energy'. Selaras dengan visi *Penang2030*, PDC juga menerokai idea-idea baru dan merangka

projek-projek inovatif dengan bantuan dari Kerajaan Negeri, kerjasama rapat dengan agensi kerajaan, dan usaha bersama daripada anggota kerja PDC.

Dari perspektif keusahawanan, PDC terus menyokong dan mengukuhkan pembangunan keusahawanan melalui pelbagai program budaya dan latihan, di mana tujuh program telah berjaya dilaksanakan. Selain itu, PDC turut menyediakan bantuan dan panduan kepada para usahawan dengan melancarkan skim baharu di bawah Skim Pinjaman Harapan (SPH) dan memberikan dana kepada usahawan pertanian melalui Tabung Usahawan Tani (TUT). Dalam aspek tanggungjawab sosial korporat, PDC juga telah menyumbang untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat melalui pelbagai program, seperti kempen derma darah dan acara 'food drive'.





Memupuk Bakat Kalis Masa Depan

Kakitangan kami merupakan pemacu teras komitmen dan strategi PDC. Dengan membina satu kumpulan bakat yang berdaya tahan dan bersedia menghadapi masa depan, PDC mampu memenuhi keperluan negeri dan rakyatnya dengan lebih baik serta memastikan daya saing sektor industri di peringkat antarabangsa.



Dalam usaha untuk meningkatkan kecekapan kakitangan, PDC telah membangunkan dan melaksanakan Pelan Pembangunan Bakat untuk melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja, serta merangka perjalanan kerjaya untuk kakitangan. Pada TK2022, sebanyak 148 kursus, bengkel dan latihan telah dijalankan dalam pelbagai topik, termasuk pengurusan pentadbiran, integriti, sumber manusia dan undang-undang kewangan.

Selain latihan dan pembangunan kakitangan, PDC telah melaksanakan program penglibatan kakitangan untuk mengeratkan kerjasama di kalangan kakitangan dan mengekalkan bakat yang berharga. Selain itu, kami menyediakan kemudahan dan manfaat untuk menyokong keperluan kakitangan dan keluarga mereka, seperti perlindungan kesihatan dan perubatan, bantuan bencana, dan tuntutan saringan kesihatan tahunan.

Penghargaan

Saya mengucapkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Kerajaan Negeri dan Majlis Tempatan, serta jabatan dan agensi kerajaan lain atas sokongan mereka yang amat besar. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengarah dan jawatankuasa-jawatankuasa kecilnya atas sokongan dan panduan yang tidak terkira kepada Pihak Pengurusan PDC dalam membangun dan melaksanakan strategi dan aktiviti untuk mewujudkan Visi, Misi, dan Pelan Strategik PDC.

Bagi pihak Pengurusan PDC, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada mantan Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Mohd Bazid Haji Abd Kahar atas perkhidmatan cemerlang beliau dalam memimpin PDC sejak pelantikannya pada Februari 2019. Secara khususnya, terima kasih di atas sokongan dan nasihat bijaksana yang telah memudahkan peralihan saya ke jawatan ini.

Seiring berakhirnya tahun pertama saya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif PDC, saya ingin memberikan penghargaan khas kepada semua tenaga kerja PDC atas dedikasi, sokongan dan sumbangan mereka. Ia merupakan satu keistimewaan besar bagi saya untuk bekerja dengan pasukan yang berpengetahuan dan berpengalaman, dan adalah harapan besar saya agar kita terus bersatu dan berusaha ke arah mewujudkan Pulau Pinang yang progresif, lebih selamat, dan lebih hijau.

Terima kasih.

DATO' AZIZ BIN BAKAR

Ketua Pegawai Eksekutif

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF [samb.] MESSAGE FROM THE CHIEF EXECUTIVE OFFICER [con't]



DATO' AZIZ BIN BAKAR
Chief Executive Officer

It is my pleasure to share with you our integrated annual report for the financial year ended 31 December 2022 (FY2022).

2022 was no exception to adversity, with global economic growth dampened by geopolitical tensions, rising inflation, tightening financial conditions and record-high commodity and goods prices. Nevertheless, PDC, as an established and highly reputable development agency of the Penang State Government, continued to deliver on our mandates through consistent planning and implementation of comprehensive development to spearhead economic growth and improve the quality of life for Penang.

Caring for the Environment, Progress and People

Against this backdrop, PDC is making further headway through the established PDC Strategic Plan (2019-2023), with a number of high-impact projects that are based on the three main thrusts: (1) creating new growth areas; (2) enhancing the value of assets; and (3) initiator of State Government initiatives.

Among the planned initiatives under the designed thrusts include the development of Bandar Cassia as an eco-city township and medical hub, enhancement of facilities in existing industrial parks, proposed linear waterfront development

and explorations into waste-to-energy projects. In tandem with the Penang2030 vision, PDC also explores new ideas and outlines innovative projects with assistance from the State Government, close collaboration with government agencies, and concerted efforts from the PDC workforce.

From the entrepreneurial perspective, PDC continues to support and strengthen entrepreneurial development through various cultural and training programmes, of which seven were successfully implemented. Further providing aid and guidance to entrepreneurs, PDC has launched new schemes under Skim Pinjaman Harapan (SPH) and provided funds to agricultural entrepreneurs through Tabung Usahawan Tani (TUT). On the corporate social responsibility front, PDC has also contributed to improving community welfare through various programmes, such as blood donation campaigns and a food drive event.





Cultivating Future-Proof Talent

Our employees are a core driver of PDC's commitment and strategies. By nurturing a resilient, future-ready talent pool, PDC is able to better serve the needs of the state and its people and ensure the competitiveness of the industrial sector at the international level.



Gearing towards enhancing staff competency, PDC has developed and rolled out a Talent Development Plan to re-skill and up-skill employees, as well as formulated career journeys for staff. In FY2022, a total of 148 courses, workshops and training were conducted on various topics, including administrative management, integrity, human resources, and financial law.

In addition to employee training and development, PDC implemented staff engagement programmes to foster stronger cooperation among staff and retain valuable talent. Furthermore, we provide facilities and benefits to support the needs of our staff and their families, such as health and medical coverage, disaster assistance and annual health screening claims.

Acknowledgements

My utmost appreciation goes to the State Government and Local Councils, as well as other government departments and agencies, for their immense support. I would also like to thank the Board of Directors and its subcommittees for their invaluable support and guidance to the PDC Management in developing and implementing strategies and activities to realise PDC's Vision, Mission and Strategic Plan.

On behalf of the PDC Management, I would like to express our gratitude to my predecessor, Dato' Mohd Bazid Haji Abd Kahar, for his outstanding service in leading PDC since his appointment in February 2019. In particular, thank you for your support and wise counsel that has eased my transition into this position.

As I end my first year as Chief Executive Officer of PDC, I would like to give special acknowledgement to all PDC workforce for their dedication, support and contributions. It has been a great privilege working with such an insightful and experienced team, and it is my fervent hope that we continue to unite and work towards creating a progressive, safer and greener Penang.

Thank you.

DATO' AZIZ BIN BAKAR
Chief Executive Officer



Kejayaan Utama & Pencapaian Signifikan Peringkat Jabatan

Key Achievements & Significant Departmental Accomplishments

Pelan Strategik PDC 2019-2023

PDC STRATEGIC PLAN 2019-2023



PDC merupakan sebuah agensi pembangunan premier Kerajaan Negeri yang merancang pelan pembangunan komprehensif dan mampan untuk pembangunan negeri Pulau Pinang berlandaskan pelan strategik PDC bagi tempoh lima tahun (2019-2023). Pelan ini selari dengan aspirasi global ke arah mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

Pelan strategik tersebut dirangka untuk menentukan halatuju jangka pendek dan panjang PDC. PDC sentiasa menggariskan strategi dan inisiatif-inisiatif baru yang menjurus kepada projek-projek yang dapat menjana pulangan terbaik dan mampan. Fokus utama PDC adalah meneliti dan mengadaptasi SDG sebagai usaha memantapkan lagi pelaksanaan Pelan Strategik PDC agar selari dengan Penang Agenda 2030. Dengan SDG sebagai panduan, PDC melaksanakan pembangunan mampan yang merangkumi ekonomi, sosial, dan alam sekitar.

PDC is a premier state government development agency planning for the comprehensive and sustainable development of Penang based on the PDC strategic plan for five years (2019-2023), which is in line with the global aspiration towards achieving the Sustainable Development Goals (SDGs) and Environmental, Social and Governance (ESG).

The strategic plan was designed to steer PDC's short- and long-term direction. PDC constantly outlines new strategies and initiatives geared towards projects that can generate the best and most sustainable returns. PDC's focus is to examine and adopt the SDGs as an effort to strengthen the implementation of the PDC Strategic Plan to be in line with the Penang Agenda 2030. With the SDGs as guidance, PDC implements sustainable development that includes economic, social, and environmental aspects.

Pelan Strategik PDC 2019-2023 [samb.]


PDC STRATEGIC PLAN 2019-2023 [con't]

Dengan memastikan visi dan misi terlaksana, PDC akan terus menjadi rakan dinamik bagi pelabur-pelabur, sama ada dari dalam atau luar negara. PDC juga akan terus meneroka idea-idea serta pendekatan baharu bagi memastikan kemampanan operasi dan peranannya dalam pembangunan ekonomi negeri, terutamanya untuk kemampanan rakyat Pulau Pinang.

Selaras dengan keupayaan PDC, setiap komponen perancangan diteliti bagi menyokong pertumbuhan ekonomi negeri Pulau Pinang bagi:

By ensuring the vision and mission are fulfilled, PDC will continue to be a dynamic partner for investors, both within or outside the country. PDC will also continue to explore new ideas and approaches to ensure the sustainability of operations and its role in the state's economic development arena, especially for the sustainability of the people of Penang.

In line with PDC capabilities, each planning component is scrutinised to support the economic growth of Penang for:



Pelan Strategik PDC ditunjangi oleh tiga (3) teras utama sepanjang tahun 2022. Terdapat beberapa pencapaian projek di bawah teras-teras tersebut yang mana pelaksanaannya memberi pulangan dari segi hasil dan mempertingkatkan imej PDC.

The PDC Strategic Plan is broadly based on three (3) main thrusts throughout 2022. There are several project achievements under the designated thrusts where the implementation provides returns to PDC in terms of revenue and enhancing the image of PDC itself.



Teras 1 - Mewujudkan kawasan pertumbuhan baru

Thrust 1 - Creating new growth areas



Bandar Cassia – ‘Bandar Hijau dan Pintar’

Cadangan pembangunan Bandar Cassia, Batu Kawan, sebagai bandar ketiga untuk negeri Pulau Pinang yang mana ia akan menjadi suatu perbandaran terancang (yang bertemakan ‘Bandar Hijau dan Pintar’). Berdasarkan konsep ini, Bandar Cassia akan dibangunkan sebagai sebuah perbandaran baharu yang dilengkapi infrastruktur dan infostruktur yang berkualiti tinggi dan pintar dalam suasana mesra alam dan landskap yang menarik. Pembangunan Bandar Cassia merupakan kombinasi pembangunan bercampur dan bersepadu bagi perumahan, komersial, pendidikan, perubatan, dan perindustrian. Pada masa yang sama, PDC sedang merangka pelan induk bagi memperluaskan pembangunan ke Selatan dan Timur Bandar Cassia bagi menampung populasi penduduk dan seterusnya merangsang ekonomi Pulau Pinang.

Bandar Cassia – ‘Smart-Eco City’

The proposed development of Bandar Cassia, Batu Kawan, as the third city for the state of Penang, which would be a planned township (themed ‘Green and Smart City’). Based on this concept, Bandar Cassia will be developed as a new township complete with high-quality and intelligent infrastructure and infostructures in an eco-friendly environment and attractive landscape. The Bandar Cassia development is a combination of mixed and integrated development for housing, commercial, educational, medical, and industrial. PDC is also developing a master plan to expand the development to the South and East of Bandar Cassia to accommodate the population and later boost Penang’s economy.

Pelan Strategik PDC 2019-2023 [samb.]

PDC STRATEGIC PLAN 2019-2023 [con't]




Teras 1 - Mewujudkan kawasan pertumbuhan baru

Thrust 1 - Creating new growth areas

Antara usaha-usaha yang giat dilaksanakan oleh PDC bagi memastikan Bandar Cassia sebagai “Bandar Hijau dan Pintar” ialah:

Among the efforts made by PDC to ensure Bandar Cassia is a “Green and Smart City” are:



- (i) Pemasangan lampu jalan jenis LED telah disyaratkan kepada setiap pemaju di kawasan Batu Kawan. Oleh itu, kesemua lampu jalan di Batu Kawan adalah jenis LED dan dilengkapi dengan sistem SCADA yang membolehkan pemantauan kerosakan lampu jalan.

The installation of LED-type streetlights has been required for every developer in the Bandar Cassia area. Therefore, all streetlights in Bandar Cassia are LED-type and are equipped with a SCADA system that allows street lighting faults to be monitored.



- (ii) Pemasangan lampu isyarat dilengkapi dengan Sistem ‘Smart Traffic Analytics and Recognition System’ (STARS) telah disyaratkan kepada setiap pemaju di kawasan Batu Kawan.

The installation of traffic lights equipped with Smart Traffic Analytics and Recognition System (STARS) has been required for every developer in the Bandar Cassia area.

Saluran bersepadu telekomunikasi telah disediakan oleh PDC Telco Sdn Bhd bagi memudahkan mana-mana syarikat telekomunikasi memasang fiber optik di kawasan-kawasan tertentu mengikut keperluan pelanggan. Struktur telekomunikasi yang digabungkan dengan lampu jalan (*Smart Poles*) akan dipasang bagi memastikan rangkaian 5G dinikmati penduduk Bandar Cassia pada masa depan.

An integrated telecommunications channel has been provided by PDC Telco Sdn Bhd to facilitate any telecommunications company in installing fibre optics in specific areas according to customer needs. Telecommunications infrastructure combined with street lights (Smart Poles) will be installed to ensure that the 5G network is enjoyed by the residents of Bandar Cassia in the future.



Teras 1 - Mewujudkan kawasan pertumbuhan baru

Thrust 1 - Creating new growth areas

Taman Perindustrian Baru

Demi melengkapkan lagi perancangan pembangunan kawasan, pada tahun 2022, PDC telah mengenal pasti kawasan perindustrian yang baharu di *Penang Science Park South* (PSPS) berkeluasan 120 ekar, *Batu Kawan Industrial Park 3* (BKIP3) berkeluasan 420 ekar dan *Bandar Cassia Technology Park* (BCTP) berkeluasan 253 ekar.

PSPS telah dikenal pasti sebagai kawasan perindustrian khusus untuk industri am dan makanan (Hab Halal). Di samping itu, sebahagian tapak di BKIP3 dan PSPS juga telah dikenal pasti untuk dibangunkan sebagai Hab Logistik bagi menampung permintaan yang sedang meningkat demi mengukuhkan ekosistem rantaian pembekal kepada pelabur-pelabur baru dan sedia ada di taman perindustrian PDC.

New Industrial Park

To further complete the planning of industrial development, PDC, in the year 2022, has identified new industrial areas, which are *Penang Science Park South* ('PSPS') with an area of 120 acres, *Batu Kawan Industrial Park 3* ('BKIP3') with an area of 420 acres, and *Bandar Cassia Technology Park* ('BCTP') with an area of 253 acres.

PSPS has been identified as an industrial area mainly for general industry and food (Halal Hub). In addition, some sites in BKIP3 and PSPS have also been identified to be developed as a Logistic Hub to accommodate the growing demand in strengthening the supplier chain ecosystem to new and existing investors within PDC industrial park.



Pelan Strategik PDC 2019-2023 [samb.]

PDC STRATEGIC PLAN 2019-2023 [con't]



Teras 2 – Peningkatan nilai aset

Thrust 2 – Enhancing the value of assets

Dari aspek meningkatkan nilai aset, PDC lebih fokus kepada penerokaan peluang-peluang perniagaan baru dan pelaksanaan projek-projek yang lebih berimpak tinggi di sekitar Pulau Pinang.

From the aspect of increasing the value of assets, PDC focuses more on exploring new business opportunities and implementing more high-impact projects around Penang.

Distribution Park/Logistik

Bagi tahun 2022, PDC telah mengambil inisiatif, selaras dengan pembangunan sektor industri, untuk mengembangkan sektor sokongan yang menyumbang kepada kelestariannya. Pelan ke atas pembangunan 'distribution park' seluas 72 ekar di kawasan Batu Kawan Industrial Park 3 (BKIP3) di Bukit Tambun serta Pembesaran Kargo Udara dan 'distribution park/e-commerce' telah dirancang di kawasan bersebelahan Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas (LTABL) di Batu Maung seluas lebih kurang 80 ekar. Kedua-dua lokasi ini dikenal pasti sebagai pusat pengagihan secara langsung yang meliputi pengangkutan udara dan darat. Tambahan pula, lokasi berikut mampu melengkapi kemudahan di antara industri sekitar dengan nilai tambah ekosistem sedia ada yang lengkap.

Justeru, melalui perancangan ini, PDC telah mengenal pasti beberapa syarikat pelaburan asing yang berpotensi dengan keupayaan profil perniagaan yang kukuh dan berpengalaman bagi memastikan perancangan ini berjaya dilaksanakan. Kajian holistik serta model perniagaan yang sesuai bersama pelabur diperhalusi oleh PDC sebelum perancangan ini dilaksanakan.

Distribution Park/Logistics

For 2022, PDC has taken the initiative, in line with the development of the industrial sector, to expand the supporting sector that contributes to its sustainability. Plans for a 72-acre distribution park development in the Batu Kawan Industrial Park 3 (BKIP3) area in Bukit Tambun, as well as Air Cargo Enlargement and distribution park/e-commerce, were planned in the adjacent area of Bayan Lepas International Airport (LTABL) in Batu Maung of approximately 80 acres. Both locations were identified as direct distribution centres covering air and land transportation. In addition, it will complement the facilities among the surrounding industries with the added value of a complete existing ecosystem.

Hence, through this plan, PDC has identified several potential foreign investment companies with strong and experienced business profile capabilities to ensure that this plan is successfully implemented. Holistic research and appropriate business models with investors are refined by PDC before it is implemented.



Teras 2 – Peningkatan nilai aset

Thrust 2 – Enhancing the value of assets



Projek Rumah Pekerja

Kemajuan pesat dalam bidang perindustrian di negeri Pulau Pinang telah menarik pelaburan yang tinggi bagi keseluruhan ekonomi negeri Pulau Pinang. PDC telah mengambil langkah proaktif untuk membangunkan Projek Rumah Pekerja, di mana PDC, melalui program 'Request for Proposal', akan mewujudkan penempatan berpusat yang lengkap dengan pelbagai kemudahan asas seperti peruncitan, klinik, sistem keselamatan dan sistem pengangkutan bagi mengawal pergerakan pekerja. Projek pembinaan rumah pekerja ini akan tertumpu di kawasan *Batu Kawan Industrial Park 3, Penang Science Park South* dan *Bandar Cassia*, Pulau Pinang.

Workers Village

*The rapid development in the industrial field in the state of Penang has attracted high investment for the overall economy of Penang. PDC has taken proactive steps to develop the Workers Village, where PDC, through the 'Request for Proposal' programme, will create a centralised placement complete with various basic facilities such as retail, clinics, security systems and transport systems to control the movement of workers. The construction project will be concentrated in the area of *Batu Kawan Industrial Park 3, Penang Science Park South* and *Bandar Cassia*, Penang.*

Pelan Strategik PDC 2019-2023 [samb.]

PDC STRATEGIC PLAN 2019-2023 [con't]



Teras 2 – Peningkatan nilai aset

Thrust 2 – Enhancing the value of assets

Waste-to-Energy

PDC juga sedang meneroka dan mengkaji untuk melaksanakan projek 'waste-to-energy' sepanjang pantai dari Jambatan Pertama ke Byram/Sungai Burung. PDC sedang berbincang dengan beberapa syarikat swasta yang mempunyai kemampuan dan teknologi bagi melaksanakan projek sebegini di mana sisa buangan akan diproses semula bagi penghasilan tenaga elektrik, gas, bahan baja dan lain-lain.

Teknologi berkaitan yang telah sekian lama bertapak di negara luar kini sedang diusahakan untuk dibawa ke negeri ini khususnya dan Malaysia amnya. Usaha ini juga adalah salah satu strategi Kerajaan Negeri untuk menangani isu tapak pembuangan sampah yang semakin kritikal di negeri ini.

Pembangunan 'Linear Waterfront'

PDC juga sedang melaksanakan pelan bagi projek 'linear waterfront' yang akan mengambil masa 10 tahun untuk dibangunkan. Ini akan menjadi pembangunan ikonik bagi negeri Pulau Pinang dan seterusnya menjadi pemangkin perniagaan baru serta mewujudkan tarikan terbaru di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Pembangunan ini akan melibatkan kawasan seluas 170 ekar dari Queensbay ke Jambatan Kedua dan konsep pembangunan adalah pembangunan bercampur merangkumi bangunan pejabat, pusat konvensyen, komersial, hotel dan Pusat R&D.

Waste-to-Energy

PDC is also exploring and studying to implement a waste-to-energy project along the coast from the First Bridge to Byram/Sungai Burung. PDC is in discussions with several private companies with the capacity and technology to implement such projects where the waste will be reprocessed for the production of electricity, gas, fertilisers and others.

Related technologies that have been long established in foreign countries are now being pursued to be brought to the state in particular and Malaysia in general. This effort is also one of the State Government's strategies to address the increasingly critical landfill issue in the state.

Linear Waterfront Development

PDC is also implementing a plan for a linear waterfront project which will take 10 years to develop. It will be an iconic development for the Penang state and subsequently catalyse new businesses as well as create modern attractions at local and international levels.

The development will cover an area of 170 acres from Queensbay to the Second Bridge, with the concept of a mixed development encompassing office buildings, a convention centre, commercial facilities, a hotel and an R&D Centre.

Pelan Strategik PDC 2019-2023 [samb.]

PDC STRATEGIC PLAN 2019-2023 [con't]



Teras 3 - Penggerak bagi inisiatif Kerajaan Negeri

Thrust 3 – Initiator of State Government initiatives

PDC telah membantu Kerajaan Negeri dalam menunaikan tanggungjawab sosialnya bagi memastikan faedah diberikan secara terus kepada rakyat. Fokus PDC adalah melaksanakan projek-projek berimpak tinggi yang dapat meningkatkan pendapatan PDC secara berterusan serta keyakinan pelabur kepada keupayaan PDC sebagai 'Pengurus Projek' dan rakan niaga yang dinamik. Projek-projek yang giat dalam perbincangan bersama Kerajaan Negeri dan akan dilaksanakan adalah:

PDC has been assisting the State Government in fulfilling its social responsibility to ensure that benefits are given directly to the people. PDC's focus is to implement high-impact projects that can continuously increase PDC's revenue and investors' confidence in PDC's ability as a 'Project Manager' and a dynamic business partner. The projects that are actively in discussion with the State Government and will be implemented are:



- (i) Cadangan pembangunan pusat perubatan pakar, Hospital Islam Patuh Syariah di Bandar Bayan Baru, di mana PDC dilantik oleh Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) sebagai *Project Management Office* (PMO).

Proposed development of a Shariah-compliant specialist medical centre, Islamic Hospital in Bandar Bayan Baru, where PDC was appointed by the Penang Islamic Foundation (YIPP) as the Project Management Office (PMO).



- (ii) Kerjasama Bersama KITAB (Kolej Islam Teknologi Antarabangsa) bagi pembangunan Pusat Islam Bandar Cassia.

Collaboration with KITAB (International Islamic College of Technology) for the development of Bandar Cassia Islamic Centre.

PDC turut memberi tumpuan kepada teras perniagaan sedia ada dalam membina projek-projek perumahan baru dan komersial yang berimpak tinggi di sekitar Pulau Pinang. Usaha PDC untuk meletak kembali peranannya ke landasan yang tepat bagi mempelbagaikan produk untuk rakyat tanpa mengetepikan keperluan pembinaan projek Perumahan Mampu Milik di sekitar lokasi-lokasi strategik di seluruh Pulau Pinang secara tidak langsung dapat memberi peluang kepada semua kategori rakyat dan golongan pekerja memiliki rumah mampu milik dan meningkatkan taraf hidup.

PDC also focuses on the existing 'core business' in building new, high-impact commercial housing projects around Penang. PDC's effort to put its role back on track to diversify products for the people without setting aside the need to construct Affordable Housing projects around strategic locations throughout Penang indirectly provides opportunities for all categories of people and the working class to own affordable homes and improve standards of living.

PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN TANAH

LAND MANAGEMENT AND DEVELOPMENT

Pembangunan Fizikal dan Pengurusan Tanah

Physical Development and Land Management



Cabaran ekonomi dunia pada tahun 2022 yang merujuk kepada beberapa krisis global yang berlaku seperti ketegangan politik di antara Amerika Syarikat (AS) dengan China yang berterusan, perang antara Ukraine-Rusia sejak 24 Februari 2022, ancaman perubahan iklim global seperti banjir besar, kemarau di beberapa negeri pengeluar komoditi serta dasar 'Sifar COVID' di China telah memberi kesan ke atas kemelesetan ekonomi global dan meningkatkan harga pelbagai jenis komoditi dan barangan asas. Hal ini seterusnya telah memberikan impak ke atas peningkatan inflasi ke paras yang tidak pernah dihadapi oleh kebanyakan negara.

Kejatuhan nilai Ringgit Malaysia dan peningkatan kadar faedah AS telah menyumbang kepada perkembangan sektor hartanah yang perlahan dan kurang memberangsangkan, diikuti dengan harga bahan mentah pembinaan yang meningkat.

Di bawah Pelan Perancangan Strategik PDC 2019-2023, antara aktiviti dan sasaran utama PDC berkaitan pembangunan hartanah pada tahun 2022 adalah:

The global economic challenges in 2022 refer to several crises, such as the ongoing political tensions between the United States (US) and China, the war between Ukraine and Russia since 24 February 2022, the threat of global climate change such as major floods and droughts in several commodity-producing states, as well as China's 'Zero-COVID' policy, which has had an impact on the global economic slowdown and caused the skyrocketing of various commodities and essential goods prices. Subsequently, this led to an increase in inflation to unprecedented levels for most countries.

The depreciation of the Malaysian Ringgit and the increase in US interest rates have contributed to the slow and less encouraging development of the property sector, followed by the rising prices of raw materials for construction.

Under the PDC Strategic Plan 2019-2023, among the main activities and targets related to property development in 2022 are:



i. Penjualan Plot Tanah bagi tujuan Pembangunan Perumahan/Komersial dan Request for Proposal (RFP) Eko Pelancongan di Bandar Cassia

Pada 17 Mac 2022, PDC telah mengiklankan tender penjualan plot-plot tanah di Bandar Cassia untuk pembangunan komersial dan perumahan. Antara syarikat yang berjaya bagi tender ini adalah Le Sanctuary Sdn Bhd dan Green Camour Sdn Bhd dengan jumlah keluasan 37 ekar. Dalam masa yang sama, PDC turut mengiklankan RFP Eko Pelancongan di Bandar Cassia yang dibuka pada 31 Mac 2022 dan tutup pada 1 Ogos 2022. Namun, RFP ini diiklankan secara berterusan di Laman Web PDC kerana tiada penender berjaya bagi RFP tersebut.

ii. RFP Cluster Farming dan Agro Tourism di Paya Terubong Seluas 407 Ekar

Milikan tanah oleh PDC yang dipegang sejak tahun 1989 dan 1990 (lebih kurang 34 tahun) seluas 407 ekar dilihat berpotensi tinggi dalam pembangunan *Cluster Farming* dan *Agro Tourism Tanah*. Ianya selaras dengan dasar dan halatuju penanaman secara terancang dalam mengekalkan Negeri Pulau Pinang sebagai ikon pengeluaran produk durian berkualiti dan mempunyai permintaan tinggi. Projek ini juga dijangka mampu menjadi salah satu tempat tarikan pelancongan yang menarik di Pulau Pinang di samping topografi dan lokasi pemandangan vista yang menarik.

i. Sale of Land Plots for Housing/Commercial Development and Eco-Tourism Request For Proposal (RFP) in Bandar Cassia

On 17 March 2022, PDC advertised a tender for the sale of land plots in Bandar Cassia for commercial and housing development. Among the companies that won the tender were Le Sanctuary Sdn Bhd and Green Camour Sdn Bhd, with a total area of 37 acres. Simultaneously, PDC also advertised an Eco-Tourism RFP in Bandar Cassia, which was opened on 31 March 2022, and closed on 1 August 2022. However, the RFP was continuously advertised on the PDC website as there were no successful bidders for the RFP.

ii. Cluster Farming and Agro-Tourism RFP in Paya Terubong Covering an Area of 407 Acres

PDC has owned the land since 1989 and 1990 (approximately 34 years), covering an area of 407 acres which is seen as having high potential for Cluster Farming and Agro-Tourism. This aligns with the planned planting policy to maintain Penang as an icon of quality durian production with high demand. The project is also expected to become one of the attractive tourist destinations in Penang, in addition to its attractive topography and scenic vista location.

Pembangunan Fizikal dan Pengurusan Tanah [samb.]

Physical Development and Land Management [con't]

Projek ini dilaksanakan secara tender terbuka yang telah diiklankan pada 31 Mac 2022 melalui kaedah pajakan tanah selama 45 tahun. Syarikat KAT Resources Sdn Bhd telah berjaya di dalam pembidaan ini dan kini di dalam proses mendapatkan kelulusan pihak berkuasa tempatan dan agensi terlibat.

Perlaksanaan projek ini dilihat sebagai serampang dua mata yang dapat membawa keharmonian pembangunan ekonomi negeri dan penduduk melalui penjanaan pendapatan yang berterusan kepada PDC di samping menangani isu penerokaan tanah pertanian secara tidak sah dan tanpa kawalan, membuka peluang pekerjaan kepada peneroka sedia ada serta mematuhi Garis Panduan Keselamatan Aktiviti Pertanian di Kawasan Berbukit, Pulau Pinang. Hasil daripada projek ini, jangkaan pendapatan PDC pada tahun ke-6 operasi adalah sebanyak RM427,585.15 setahun dengan beberapa sumbangan tambahan sampingan yang ditawarkan oleh pihak pemaju kepada PDC.

iii. RFP Asrama Pekerja di Batu Kawan Industrial Park 3 (BKIP3) dan Penang Science Park South (PSPS)

RFP di dua lokasi iaitu BKIP3 dan PSPS bagi pembangunan asrama pekerja dan fasiliti yang berkaitan telah diiklankan pada 29 September 2022 dan ditutup pada 29 November 2022. Sebanyak 3 penender telah turut serta dan kini masih di peringkat penilaian.

Cadangan projek ini merupakan salah satu langkah untuk memberi penambahbaikan pembangunan sektor sokongan yang diperlukan sebagai pelengkap kepada pembangunan perindustrian sekitar. Secara tidak langsung ini akan membantu pelabur industri ke arah pematuhan polisi Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

This project was implemented through an open tender and was advertised on 31 March 2022 through the land lease method for 45 years. KAT Resources Sdn Bhd was successful in the bidding process and is now in the process of obtaining approvals from local authorities and relevant agencies.

The implementation of this project is seen as a win-win situation, delivering harmony to the economic development of the state and its residents through continuous income generation for PDC, as well as addressing the issue of uncontrolled and illegal farming activities. The project provides job opportunities for existing farmers and complies with the Penang Safety Guideline Hill Site Development. The expected income for PDC in the 6th year of operation is RM427,585.15 per annum, with several additional secondary contributions offered by the developer to PDC.

iii. Worker Dormitory RFP in Batu Kawan Industrial Park 3 (BKIP3) and Penang Science Park South (PSPS)

RFPs for worker dormitories and related facilities in two locations, BKIP3 and PSPS, were advertised on 29 September 2022 and closed on 29 November 2022. Three bidders have participated and are currently in the evaluation stage.

This proposed project is one of the steps to improve the necessary support sector development as a complement to industrial development in the area. Indirectly, it will help industrial investors to comply with the Environmental, Social, and Governance (ESG) policy.

iv. Pembangunan Medi-Tech City di Bandar Cassia

Pulau Pinang sememangnya terkenal sebagai salah satu destinasi pelancongan perubatan di Malaysia. Bagi mengukuhkan potensi tersebut, PDC telah mengenal pasti tanah seluas 200 ekar di Bandar Cassia bagi tujuan pembangunan berkonsepkan *Medi-Tech City*. *Medi-Tech City* berkonsepkan bandar yang meliputi komponen pembangunan berasaskan perubatan, rehabilitasi, penyelidikan dan seterusnya kepada pengeluaran dan pemasaran lengkap berteknologi tinggi. Secara tidak langsung, ekosistem yang dibawa ini dijangka akan membawa pembangunan Bandar Cassia ke arah bandar mampan dan berdaya saing. Konsep ini telah diterima baik oleh pelabur dan beberapa sesi perbincangan telah diadakan bersama pelabur berminat untuk memperolehi tawaran pembangunan terbaik.

PDC tidak hanya melihat perancangan hub perubatan berskala besar sahaja. Fasilitas kesihatan peringkat primer yang memerlukan tindakan segera di Bandar Cassia juga tidak diabaikan. Perbincangan cadangan pelaksanaan pembinaan sebuah klinik kesihatan baru di Bandar Cassia dengan kerjasama pihak Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang sedang berjalan bagi memperoleh hala tuju yang jelas. Pelaksanaan klinik kesihatan ini dijangka akan memberi limpahan pembangunan kepada penduduk di Daerah Seberang Perai Selatan khususnya penduduk di Bandar Cassia.

iv. Development of Medi-Tech City in Bandar Cassia

Penang is well-known as one of the medical tourism destinations in Malaysia. To strengthen this potential, PDC has identified a 200-acre plot of land in Bandar Cassia for the development of a *Medi-Tech City* concept. The *Medi-Tech City* is a town concept encompassing medical-based development, rehabilitation, research, high-tech production, and marketing. Indirectly, this ecosystem is expected to bring Bandar Cassia towards sustainable and competitive city development. This concept has been well-received by investors, and several discussions have been held with interested investors to obtain the best development offer.

PDC does not only focus on large-scale medical hub planning. Primary healthcare facilities that require immediate action in Bandar Cassia have not been neglected. Discussions on the implementation proposal for a new health clinic in Bandar Cassia, in collaboration with the Health Department of Penang State, are ongoing to obtain a clear direction. The implementation of this health clinic is expected to provide development spill-over to residents in the South Seberang Perai District, particularly in Bandar Cassia.



Pembangunan Fizikal dan Pengurusan Tanah [samb.]

Physical Development and Land Management [con't]

v. Pembangunan Hub Logistik Udara di LTABL, Batu Maung

Satu perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani antara PDC dan pihak Singapore New Retail Infrastructure Investment Management Pte Ltd (Cainiao) bagi tapak bersebelahan Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas (LTABL) seluas 30 ekar pada 14 April 2022. Tempoh sah MoU ini adalah sehingga 14 April 2023 dan dalam tempoh tersebut PDC dan Cainiao perlu memuktamadkan keputusan cadangan dan model perniagaan bagi pelaksanaan projek pembesaran LTABL.

Bagi mengenal pasti perancangan pembangunan dan penjanaan pendapatan yang berterusan, PDC telah melantik perunding bagi menjalankan kajian kebolehsanaan bagi mengenal pasti potensi pembangunan yang lebih komprehensif dalam skala yang lebih besar iaitu seluas 80 ekar. Kajian ini bertujuan memastikan tawaran pelaburan yang akan dimuktamadkan mempunyai pelbagai peluang pelaburan berimpak tinggi di samping mengelak kebergantungan kepada pelaburan tunggal.

v. Development of Air Logistics Hub in LTABL, Batu Maung

A Memorandum of Understanding (MoU) agreement was signed between PDC and Singapore New Retail Infrastructure Investment Management Pte Ltd (Cainiao) for a 30-acre site adjacent to the Bayan Lepas International Airport (LTABL) on 14 April 2022. The validity of this MoU is until 14 April 2023, during which PDC and Cainiao need to finalise the proposed decision and business model for the expansion project of LTABL.

To identify continuous development planning and revenue generation, PDC has appointed consultants to conduct a feasibility study to identify potential development on a larger scale of 80 acres. This study aims to ensure that the finalised investment offer has variegated high-impact investment opportunities while avoiding dependence on a single investment.



vi. Pembangunan Taman Perindustrian Berkonsepkan *Managed Industrial Park* (MIP)

Bagi memastikan kawasan perindustrian PDC mengekalkan tahap perkhidmatan yang terbaik kepada pelabur, kawasan perindustrian baru PDC iaitu *Bandar Cassia Technology Park* (BCTP) dengan anggaran seluas 382 ekar bakal dijadikan sebagai sebuah kawasan perindustrian pertama di Malaysia yang menggunakan konsep *Managed Industrial Park*. Satu lawatan kerja telah diadakan bersama jabatan dan agensi teknikal di Pulau Pinang ke Thailand bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas berkaitan kaedah perancangan dan sebagai rujukan isu-isu serta cabaran utama dalam melaksanakan perindustrian MIP. Antara agensi Thailand yang telah dilawati adalah City Planning Department of Bangkok Metropolitan Administration (BMA), Industrial Estate Authority of Thailand (IEAT), Amata Nakorn Industrial Park Estate Chonburi, dan Eastern Economic Corridor of Thailand (EEC).

Pada ketika ini, satu garis panduan pelaksanaan konsep ini sedang dimuktamadkan dan dalam masa yang sama, PDC sedang mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan bagi segala kajian dan pelan-pelan pembangunan.

vi. *Development of Industrial Park with Managed Industrial Park (MIP) Concept*

To ensure that PDC's industrial areas maintain the best level of service for investors, PDC's new industrial area, *Bandar Cassia Technology Park* (BCTP), with an estimated 382-acre land, will become the first industrial park in Malaysia to adopt the *Managed Industrial Park* (MIP) concept. A working visit was held together with technical departments and agencies in Penang to Thailand in order to obtain a clearer picture of the planning method and as a reference for issues and main challenges in implementing the MIP concept. Among the Thai agencies visited were the City Planning Department of Bangkok Metropolitan Administration (BMA), the Industrial Estate Authority of Thailand (IEAT), Amata Nakorn Industrial Park Estate Chonburi, and the Eastern Economic Corridor of Thailand (EEC).

At present, an implementation guideline for this concept is being finalised. Meanwhile, PDC is obtaining approval from local authorities for all development studies and plans.



Pembangunan Fizikal dan Pengurusan Tanah [samb.]

Physical Development and Land Management [con't]

vii. Plot-Plot Tanah PDC Yang Telah Dijual Untuk Tujuan Pembangunan

Penjanaan pendapatan dalam tempoh yang singkat masih diperlukan dalam memastikan pendapatan berterusan. Oleh yang demikian, PDC turut melaksanakan penjualan atau pajakan tanah plot kecil yang wujud kesan daripada pecahan guna tanah pembangunan. Penjualan tanah secara tender terbuka telah dilaksanakan di sepanjang tahun 2022 yang merangkumi lot seperti berikut:

vii. PDC Land Plots that Have Been Sold for Development Purposes

Generating income in the short term is still necessary to ensure continuous revenue. Therefore, PDC has also implemented the sale or lease of small land plots resulting from the division of development land. Land sales through open tenders have been conducted throughout 2022, covering lots such as:

BIL. NO.	LOT LOT	KELUASAN (EKAR) LAND AREA (ACRES)	KEGUNAAN USAGE
1	Lot 7596, Mukim 12, Daerah Barat Daya	0.5636	Komersial Commercial
2	Lot 11223 & 11224 Mukim 14, Daerah Seberang Perai Selatan	3.0258	
3	Lot 10675 Mukim 13, Daerah Timur Laut	0.5767	
4	Lot 50689, Mukim 11, Daerah Seberang Perai Tengah	1.62012	
5	Lot 20304 Mukim 13, Daerah Timur Laut	4.0164	
6	Lot 14443, Mukim 12, Daerah Barat Daya	1.0277	

PDC telah menandatangani perjanjian jual beli & pajakan bagi kesemua enam (6) plot di atas dan bayaran 20% telah pun diterima dengan jumlah sebanyak RM27 juta. Manakala, baki 80% bayaran pula dijangka akan diterima pada tahun 2023.

PDC has signed a sale and lease agreement for all six plots mentioned above and has received a 20% payment amounting to RM27 million. The remaining 80% of the payment is expected to be received in 2023.



Pembangunan Perindustrian Industrial Development

**Menjual dan
memajak tanah
industri sebanyak**
Selling and leasing

152

ekar kepada
*acres of industrial
land to*

18

buah syarikat
companies



**Batu Kawan
Industrial Park (BKIP)**

3 syarikat
companies

25 ekar
acres

**Penang Science Park
North (PSPN)**

11 syarikat
companies

60 ekar
acres

**Penang Science
Park (PSP)**

1 syarikat
companies

3 ekar
acres

**Prai Industrial
Park (PIP)**

1 syarikat
companies

3 ekar
acres

**Bukit Minyak
Industrial Park (BMIP)**

1 syarikat
companies

1 ekar
acres

**Bandar Cassia
Technology Park
(BCTP)**

1 syarikat
companies

60 ekar
acres

Ketidaktentuan ekonomi dunia tidak mengugat Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) untuk menarik pelabur asing dan tempatan bagi mengembangkan operasi perniagaan mereka di Pulau Pinang. PDC berjaya menarik pelabur dengan menjual dan memajak tanah industri sebanyak 152 ekar kepada 18 buah syarikat iaitu tiga buah syarikat di Batu Kawan Industrial Park (BKIP) (25 ekar), 11 buah syarikat di Penang Science Park North (PSPN) (60 ekar), sebuah syarikat di Penang Science Park (PSP) (3 ekar), sebuah syarikat di Prai Industrial Park (PIP) (3 ekar), sebuah syarikat di Bukit Minyak Industrial Park (BMIP) (1 ekar) dan sebuah syarikat di Bandar Cassia Technology Park (BCTP) (60 ekar).

Tahun 2022 merupakan tahun pengembangan operasi syarikat tempatan yang berstatus Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) berikutan limpahan pelaburan daripada Syarikat Multinasional (MNC) yang mengembangkan perniagaan mereka pada tahun 2020 dan 2021. Antara syarikat-syarikat yang memanfaatkan keadaan ini adalah seperti berikut:

Despite global economic uncertainty, Penang Development Corporation (PDC) continues to attract foreign and local investors to expand their business operations in Penang. PDC has managed to secure the investment for Penang by selling and leasing 152 acres of industrial land to 18 companies, namely three companies in Batu Kawan Industrial Park (BKIP) (25 acres), 11 companies in Penang Science Park North (PSPN) (60 acres), a company in Penang Science Park (PSP) (3 acres), a company in Prai Industrial Park (PIP) (3 acres), a company in Bukit Minyak Industrial Park (BMIP) (1 acre) and a company in Bandar Cassia Technology Park (BCTP) (60 acres).

The year 2022 is the year local companies with the status of Small and Medium Enterprises (SMEs) expanded their operations following the influx of investments from Multinational Corporations (MNCs) that expanded their businesses back in 2020 and 2021. The SMEs are as follows:

Pembangunan Perindustrian [samb.]

Industrial Development [con't]

- ▶ K.K Metal Processing Sdn Bhd yang terlibat dalam 'High Precision Sheet Metal, Components and Assembly Works' akan mengembangkan operasi mereka di atas tanah seluas 2 ekar di PSPN.
- ▶ M Precision Sdn Bhd yang terlibat dalam '3D Metal Printing Latest Technology of Cold Fusion (Pump Parts, Aerospace Parts, Automotive Parts)' akan mengembangkan operasi mereka di atas tanah seluas 2 ekar di PSPN.
- ▶ Klitz Vibrant Imported Kitchens Sdn Bhd yang terlibat dalam 'Trading of Imported Furniture and Lighting, Interior Decoration' akan mengembangkan operasi sedia ada mereka di atas tanah seluas 1 ekar di PSPN untuk menyokong pengembangan operasi Scandinavian IBS Sdn Bhd.
- ▶ SIP Technology (M) Sdn Bhd yang terlibat dalam 'R&D on Smart Factory Solution for Both Hardware & Software, Assembly of Equipment's Inclusive of Prototype Build, Training and Application Centre, Office and Warehouse' akan mengembangkan operasi sedia ada mereka di atas tanah seluas 1 ekar di PSPN.
- ▶ ACA Integration Sdn Bhd yang terlibat dalam 'Manufacturing off AOI and Vision Inspection Machine part' akan mengembangkan operasi sedia ada mereka di atas tanah seluas 1 ekar di PSPN.
- ▶ Eng IBS Manufacturing Sdn Bhd yang terlibat dalam 'Manufacturing of Fabrication and Engineering of Metal Parts, Machinist, Metal Shaping, Slitting, Shearing of Steel Coil, Sheets and Plates Including Manufacturing of Prefabricated Buildings, Mainly Metal Generally Used for Industrialised Building Systems' akan mengembangkan operasi sedia ada mereka di atas tanah seluas 3 ekar di PSPN untuk menyokong pengembangan operasi Scandinavian IBS Sdn Bhd.
- ▶ K.K Metal Processing Sdn Bhd which is involved in 'High Precision Sheet Metal, Components and Assembly Works', will expand its operations on 2 acres of land in PSPN.
- ▶ M Precision Sdn Bhd, which is involved in '3D Metal Printing Latest Technology of Cold Fusion (Pump Parts, Aerospace Parts, Automotive Parts)', will expand its operations on 2 acres of land in PSPN.
- ▶ Klitz Vibrant Imported Kitchens Sdn Bhd, which is involved in 'Trading of Imported Furniture and Lighting, Interior Decoration', will expand its existing operations on 1 acre of land in PSPN.
- ▶ SIP Technology (M) Sdn Bhd, which is involved in 'R&D on Smart Factory Solution for Both Hardware & Software, Assembly of Equipment's Inclusive of Prototype Build, Training and Application Centre, Office and Warehouse', will expand its existing operations on 1 acre of land in PSPN.
- ▶ ACA Integration Sdn Bhd, which is involved in 'Manufacturing off AOI and Vision Inspection Machine part', will expand its existing operations on 1 acre of land in PSPN.
- ▶ Eng IBS Manufacturing Sdn Bhd, which is involved in 'Manufacturing of Fabrication and Engineering of Metal Parts, Machinist, Metal Shaping, Slitting, and Shearing of Steel Coil, Sheets and Plates, Including Manufacturing of Prefabricated Buildings, Mainly Metal Generally Used for Industrialised Building Systems', will expand its existing operations on 3 acres of land in PSPN to support Scandinavian IBS Sdn Bhd expansion.



- ▶ MJC Technology Sdn Bhd yang terlibat dalam 'Metal and Plastic Fabrication Work Plus Assembly and Warehousing' akan mengembangkan operasi sedia ada mereka di atas tanah seluas 1 ekar di PSPN.
- ▶ MMP Resources Sdn Bhd yang terlibat dalam 'Warehouse & Packaging' akan mengembangkan operasi sedia ada mereka di atas tanah seluas 1 ekar di PSPN.
- ▶ TSG Automation Sdn Bhd yang terlibat dalam 'Installation of Industrial Machinery and Equipment and Manufacturing of Semiconductor Singulation Machine and Related Modules, Precision Machined Parts, Jigs & Fixtures and Fabricated Metal Products' akan mengembangkan operasi sedia ada mereka di atas tanah seluas 2 ekar di BKIP.
- ▶ Amlex Technology Sdn Bhd yang terlibat dalam 'Stamping, Molding, Backend & Assembly' akan mengembangkan operasi sedia ada mereka di atas tanah seluas 2 ekar di BKIP.
- ▶ Panfast Marketing (M) Sdn Bhd yang terlibat dalam 'Trading, Importing, Exporting and Manufacturing of all Kinds of Raw Materials & Feed Additives, Chemical, Nutritional Products & Fertilisers and as Transportation Agency' akan mengembangkan operasi sedia ada mereka di atas tanah seluas 3 ekar di PSP.
- ▶ Labelpac & Print Sdn Bhd yang terlibat dalam 'Label & Packaging Printing and Warehousing' akan mengembangkan operasi sedia ada mereka di atas tanah seluas 1 ekar di BMIP.
- ▶ MJC Technology Sdn Bhd, which is involved in 'Metal and Plastic Fabrication Work Plus Assembly and Warehousing', will expand its existing operations on 1 acre of land in PSPN.
- ▶ MMP Resources Sdn Bhd, which is involved in 'Warehouse & Packaging', will expand its existing operations on 1 acre of land in PSPN.
- ▶ TSG Automation Sdn Bhd, which is involved in 'Installation of Industrial Machinery and Equipment and Manufacturing of Semiconductor Singulation Machine and Related Modules, Precision Machined Parts, Jigs & Fixtures and Fabricated Metal Products', will expand its existing operations on 2 acres of land in BKIP.
- ▶ Amlex Technology Sdn Bhd, which is involved in 'Stamping, Molding, Backend & Assembly', will expand its existing operations on 2 acres of land in BKIP.
- ▶ Panfast Marketing (M) Sdn Bhd, which is involved in 'Trading, Importing, Exporting and Manufacturing of all Kinds of Raw Materials & Feed Additives, Chemical, Nutritional Products & Fertilisers and as Transportation Agency', will expand its existing operations on 3 acres of land in PSP.
- ▶ Labelpac & Print Sdn Bhd, which is involved in 'Label & Packaging Printing and Warehousing', will expand its existing operations on 1 acre of land at BMIP.



Pembangunan Perindustrian [samb.]

Industrial Development [con't]

Selain itu, syarikat berstatus MNC seperti berikut juga telah giat mengembangkan operasinya di BKIP, PSPN, dan BCTP:

- ▶ Scandinavian IBS Sdn Bhd dengan aktiviti 'Manufacturing of IBS Modular Components' akan mengembangkan operasi mereka di atas tanah seluas 13 ekar di PSPN.
- ▶ Gaban Spice Manufacturing (M) Sdn Bhd dengan aktiviti 'Import, Manufacturer, Distribute and Export of Spices, Herbs, Tapioca and Others Related Products' akan mengembangkan operasi di atas tanah seluas 7 ekar di PSPN.
- ▶ Dexcom (Malaysia) Sdn Bhd dengan aktiviti 'Manufacturing of Glucose Monitoring System (Sensor/Applicator)' akan mengembangkan operasi mereka di atas tanah seluas 21 ekar di BKIP.
- ▶ Osram Opto Semiconductors (Malaysia) Sdn Bhd dengan aktiviti 'Semiconductor Manufacturing Plant to Mainly Produce, Assemble & Test, Light Emitting Diodes (LED), Chips and Products' akan beroperasi di atas tanah seluas 60 ekar di BCTP.
- ▶ TTM Technologies yang terlibat dalam 'Highly Automated Printed Circuit Board Manufacturing' akan memulakan operasi mereka di atas tanah seluas 27 ekar di PSPN.

In addition, companies with MNCs status as follows have also actively expanded their operations in BKIP, PSPN, and BCTP:

- ▶ *Scandinavian IBS Sdn Bhd, with activities involving the Manufacturing of IBS Modular Components, will expand its operations on 13 acres of land in PSPN.*
- ▶ *Gaban Spice Manufacturing (M) Sdn Bhd, with activities related to the Import, Manufacturer, Distribute and Export of Spices, Herbs, Tapioca and Other Related Products, will expand its operations on 7 acres of land in PSPN.*
- ▶ *Dexcom (Malaysia) Sdn Bhd, with activity involving the Manufacturing of a Glucose Monitoring System (Sensor/Applicator), will expand its operations on 21 acres of land in BKIP.*
- ▶ *Osram Opto Semiconductors (Malaysia) Sdn Bhd, with activities involving Semiconductor Manufacturing Plant to Mainly Produce, Assemble and Test Light Emitting Diodes (LED), Chips and Products, will operate on 60 acres of land in BCTP.*
- ▶ *TTM Technologies, which is involved in 'Highly Automated Printed Circuit Board Manufacturing', will begin its operations on 27 acres of land in PSPN.*

Kejayaan-kejayaan di atas telah mendorong PDC untuk membangunkan kawasan perindustrian yang baharu iaitu *Bandar Cassia Technology Park (BCTP)*, *Batu Kawan Industrial Park 3 (BKIP 3)* dan *Penang Science Park South (PSPS)*, masing-masing dengan keluasan kasar sebanyak 318 ekar, 623 ekar dan 174 ekar untuk memenuhi permintaan daripada pelabur-pelabur berpotensi.

The above success stories have driven PDC to develop new industrial areas, namely Bandar Cassia Technology Park (BCTP), Batu Kawan Industrial Park 3 (BKIP 3) and Penang Science Park South (PSPS), with a gross area of 318 acres, 623 acres and 174 acres, respectively, to accommodate the demand from potential investors.

Perkhidmatan Perniagaan Global *Global Business Services (GBS)*

Pada 26 Ogos 2022, GBS @ Mahsuri, salah satu bangunan GBS PDC, telah menerima lawatan daripada *Real Estate and Housing Developers' Association Malaysia (REHDA)* yang berminat untuk belajar tentang pembangunan dan pengurusan bangunan ini. GBS @ Mahsuri dan GBS @ Mayang, terletak di kawasan Bayan Baru yang strategik, dan menempatkan 14 syarikat multinasional yang menyediakan 2,200 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi berkaitan perakaunan & kewangan, *Integrated Circuit (IC) design & consulting*, pengurusan pengalaman pelanggan, analisis data, produk rangkaian/perkhidmatan rundingan, dan sebagainya.

Tahun 2022 telah menjadi tahun yang menjanjikan bagi pemulihan permintaan ruang pejabat di Pulau Pinang, dan untuk memenuhi permintaan yang meningkat untuk ruang pejabat dengan lokasi yang strategik untuk aktiviti-aktiviti GBS, teknologi dan R&D, PDC telah memulakan pembangunan dua projek baru di kawasan Technoplex, Bayan Lepas, iaitu *GBS By the Sea* dan bangunan *GBS TechSpace*.

Pembangunan *GBS By the Sea* merangkumi sebuah blok 9 tingkat bangunan pejabat berstatus MSC dengan anggaran keluasan bersih 299,000 kaki persegi dan sebuah blok 6 tingkat bangunan parkir. Berdekatan dengan Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah, penyewa di *GBS By the Sea* boleh menikmati pemandangan laut dan akses kepada kemudahan-kemudahan yang berhampiran. Projek ini akan disiapkan pada Jun 2024 dan menyediakan lebih 1,000 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi. Setakat 31 Disember 2022, PDC telah menerima permohonan dari syarikat-syarikat untuk menyewa lebih 70% daripada jumlah ruang sewa.

Sebuah lagi pembangunan baharu di Technoplex, bangunan *GBS TechSpace*, akan menawarkan tambahan ruang sewa seluas 60,000 kaki persegi bagi syarikat R&D dan teknologi. Bangunan pejabat 3 tingkat ini, dengan tempat letak kereta di tingkat bawah, akan siap pada suku keempat 2023.

On 26 August 2022, GBS @ Mahsuri, one of PDC's GBS buildings, received a delegation from the Real Estate and Housing Developers' Association Malaysia (REHDA), who were interested to learn about the development, management and operation of this building. GBS @ Mahsuri and GBS @ Mayang, both located in the strategic Bayan Baru business district, are home to 14 multinational companies providing 2,200 high-paying job opportunities in areas such as finance and accounting, Integrated Circuit (IC) design and consulting, customer experience management, data analytics, networking products/services consulting, and others.

2022 has been a promising year for the revival of demand for office spaces in Penang, and to meet the increasing demand for strategically located office spaces for GBS, advanced technology and R&D activities, PDC has commenced the development of two new projects in Technoplex, Bayan Lepas, which are GBS By the Sea and GBS TechSpace building.

The GBS By the Sea development consists of a 9-storey MSC-status office building with a total lettable space of approximately 299,000 sq ft and a 6-storey multi-level car park building. Situated close to the Sultan Abdul Halim Muadzam Shah Bridge, the development offers excellent sea view frontage and close proximity to amenities. This development will be completed in June 2024 and will provide more than 1,000 high-paying job opportunities. As of 31 December 2022, the rentable space take-up rate is 70%.

The other new development in Technoplex, GBS TechSpace building, will offer an additional 60,000 sq ft lettable space for R&D and technology companies. The 3-storey office building, with ground floor parking, will be completed in Q4 2023.



Projek Bina dan Pajak Kemudahan Pergudangan di *Batu Kawan Industrial Park* *Build & Lease of Warehouse Facility at Batu Kawan Industrial Park*

Pada 28 Disember 2022, PDC telah memuktamadkan satu Perjanjian Bina dan Pajak dengan sebuah syarikat tempatan untuk membangunkan projek kemudahan pergudangan melalui skim bina dan pajak di atas lot tanah berkeluasan 8.9 ekar di *Batu Kawan Industrial Park* dengan anggaran kos RM87.9 juta. Kerja-kerja pembinaan dijangka akan mengambil 18 bulan untuk dilaksanakan.

On 28 December 2022, PDC entered into a Build & Lease Agreement with a local company to develop a warehouse facility at Batu Kawan Industrial Park. The project, with an estimated cost of RM87.9 mil, will be developed on an 8.9-acre site via a build & lease scheme for a duration of 18 months.

Pembangunan IKS *SME Development*

Kerajaan Negeri bersama PDC sentiasa memantau dan merancang kemudahan dan khidmat sokongan yang berterusan kepada PKS, kerana sektor ini merupakan sumbangan penting kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan menjana pendapatan kepada para pengusaha tempatan. Sepanjang tahun, PDC terus membina dan merancang projek-projek PKS untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat.

Satu lagi projek IKS di *Bukit Minyak Industrial Park* yang merangkumi unit-unit kilang berkembar dan teres yang telah dirancang untuk dibangunkan pada tahun 2023. Unit-unit kilang siap bina yang disediakan akan membuka peluang kepada usahawan-usahawan tempatan yang berpotensi untuk mengembangkan perniagaan mereka.

PDC and the State Government are constantly monitoring and planning various facilities and support services for SMEs, as this sector represents an important contribution to economic growth and generates income for local entrepreneurs. Throughout the year, PDC continued to build and plan SME projects to meet the growing demand.

Another SME project in Bukit Minyak Industrial Park, consisting of semi-detached and terrace factory units, has been planned for development in 2023. The ready-built factory units provided will create opportunities for potential local entrepreneurs to expand their businesses.



Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan Awam

Infrastructure Development and Public Facilities



Pada tahun 2022, PDC meneruskan usaha untuk menyediakan tapak pembangunan dan kemudahan infrastruktur bagi menyokong perkembangan pesat sektor industri, perumahan dan komersial di Bandar Cassia, Seberang Perai Selatan (SPS) dan Penang Science Park North (PSPN), Seberang Perai Tengah (SPT).

Pembinaan 'Diamond Junction Interchange' di Lebuhraya Bandar Cassia telah disiapkan pada Jun 2022. Kerja-kerja rawatan tanah sedang giat dijalankan untuk pembinaan Lingkaran Cassia Timur (LCT) dan Persiaran Cassia Timur (PCT). Pembinaan jalan dan infrastruktur yang berkaitan akan mula dilaksanakan pada suku kedua tahun 2023 dan dijangka siap pada suku ketiga tahun 2025. Setelah siap, persimpangan bertingkat dan jalan lingkaran ini akan melancarkan lagi aliran trafik di Bandar Cassia.

Pada masa ini, Loji Rawatan Kumbahan berpusat (STP 2) Modul 1 berkapasiti 112,500 PE (Kesetaraan Populasi) sedang dibina di bahagian Barat Bandar Cassia dan dijangka siap pada suku kedua 2023. STP2 ini mampu dibesarkan sehingga kapasiti 450,000 PE pada masa hadapan bagi menampung keperluan pembangunan sekeliling di Bandar Cassia.

In 2022, PDC continued to provide development sites and infrastructure facilities to support the rapid growth of the industrial, housing, and commercial sectors in Bandar Cassia, South Seberang Perai and Penang Science Park North (PSPN), Central Seberang Perai.

The Diamond Junction Interchange at Lebuhraya Bandar Cassia was completed in June 2022. Soil treatment is underway for the construction of LCT (Lingkaran Cassia Timur) and PCT (Persiaran Cassia Timur). Construction of roads and related infrastructures is targeted to start in the second quarter of 2023 and is expected to be completed by the third quarter of 2025. Once finished, the ring road with the completed interchange will increase the efficiency of traffic flows in Bandar Cassia.

Currently, a centralised Sewage Treatment Plant (STP2) Module 1 with a capacity of 112,500 PE (Population Equivalent) is under construction in the western part of Bandar Cassia and is expected to be completed by the second quarter of 2023. STP2 can also be expanded up to an ultimate capacity of 450,000 PE to cater for surrounding developments in the future.

Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan Awam [samb.]

Infrastructure Development and Public Facilities [con't]



Di samping itu, kemudahan infrastruktur lain seperti parit monsun juga dibina di Bandar Cassia bagi melengkapkan sistem saliran di kawasan tersebut. Parit Monsoon (*Interceptor Drain*) dan *Piled Embankment LCB* (Lingkar Cassia Barat) telah siap dibina pada bulan Mei 2022.

PDC terus menyediakan kemudahan infrastruktur di kawasan *Penang Science Park North* (PSPN). Pembinaan infrastruktur Jalan 8 sedang dijalankan dan dijangka siap pada akhir bulan Februari 2023.

Bandar Cassia Technology Park (BCTP) merupakan kawasan perindustrian pintar baharu seluas 382 ekar yang berlokasi di Bandar Cassia. BCTP akan dibangunkan secara berfasa bermula pada bulan Jun 2023 dan dijangka siap sepenuhnya pada suku kedua tahun 2024. Kerja-kerja menambun tanah dan infrastruktur akan dibuat secara berfasa mengikut perancangan penyediaan tanah industri oleh PDC.

Kawasan pembangunan perindustrian PDC yang baru di bahagian Timur Batu Kawan yang dikenali sebagai *Batu Kawan Industrial Park 3* (BKIP3) seluas 622.62 ekar juga telah mula dibangunkan. Kerja menambun tanah bagi menyediakan tapak perindustrian Fasa 1 seluas 185.14 ekar bagi plot-plot industri serta rawatan tanah telah mula dilaksanakan pada bulan Disember 2022 dan dijangka selesai pada suku keempat 2025.



Meanwhile, other infrastructure such as monsoon drains has been constructed in Bandar Cassia to improve the drainage system based on the Drainage Masterplan for the areas. The construction of the Monsoon Drain (*Interceptor Drain*) and *Piled Embankment LCB* (Lingkar Cassia Barat) was completed in May 2022 as per the targeted timeline.

Next, PDC continues to provide infrastructure for the remaining roads in *Penang Science Park North* (PSPN). Infrastructure construction of Road 8 is currently under construction and expected to complete by the end of February 2023.

Bandar Cassia Technology Park (BCTP) is a new smart industrial area of 382 acres in the eastern part of Bandar Cassia, which will be developed in phases starting from June 2023 and is expected to be completed in the second quarter of 2024. Earth filling works and infrastructures for subsequent phases of BCTP were constructed in phases, subject to PDC's industrial land bank area planning.

A new industrial development area at the East of Batu Kawan, known as *Batu Kawan Industrial Park 3* (BKIP3), with an area of 622.62 acres, has begun development. Earth filling works to prepare the 185.14-acre Phase 1 industrial site for industrial plots and soil treatment have begun in December 2022 and are expected to be completed in the fourth quarter of 2025.



Seiring dengan pembangunan infrastruktur yang pesat di Bandar Cassia, pembangunan kehijauan turut dijalankan di Bandar Cassia sebagai komponen konsep Eko-Bandar Pintar. Beberapa projek landskap sedang dalam pembinaan pada masa ini, iaitu "Square @ Cassia" bersebelahan dengan Galeri PDC dan kerja-kerja peningkatan landskap di pintu masuk utama Batu Kawan Industrial Park.

Square @ Cassia terdiri daripada taman poket, kawasan pameran terbuka, taman permainan kanak-kanak, 'play mound', 'circular shelter' dan seni lukis kontena di bawah Festival Antarabangsa Seni Lukis Kontena Pulau Pinang (PICAF) yang dikelilingi oleh pokok teduhan dan pokok renek. Pembinaan Square @ Cassia telah dimulakan pada bulan Ogos 2021 dan telah siap sepenuhnya pada bulan April 2022.

Kerja-kerja menaiktaraf landskap di pintu masuk utama Batu Kawan Industrial Park telah bermula pada bulan September 2021. Pembinaan landskap ini melibatkan kawasan seluas 5,000 meter persegi di atas simpanan LRT yang mempunyai tarikan laluan siar kaki dan laluan basikal, rak basikal, kerusi taman dan seni lukis kontena di bawah Festival Antarabangsa Seni Lukis Kontena Pulau Pinang (PICAF) di samping landskap yang menghijau. Kerja-kerja landskap ini telah siap sepenuhnya pada bulan Februari 2022 dan akan memberikan impak yang lebih menarik untuk kawasan perindustrian ini.

Along with the rapid development of infrastructures, greenery developments have also taken place in Bandar Cassia as a component of the Smart Eco-City concept. Several landscape projects are currently under construction, namely "Square @ Cassia" next to the PDC Gallery and the landscape upgrading works at the main entrance of Batu Kawan Industrial Park.

Square @ Cassia consists of a pocket park, an open exhibition area, a children's playground, a play mound, a circular shelter and container art under the Penang International Container Art Festival (PICAF), surrounded by shade trees and shrubs. The Square @ Cassia project began construction on August 2021 and was completed in April 2022.

Landscape upgrading works at the main entrance of Batu Kawan Industrial Park started in September 2021. The landscape park, which is 5,000 square metres in the LRT reserve, consists of a jogging and bicycle track, bicycle rack, garden bench and container art under Penang International Container Art Festival (PICAF) alongside lush greenery. The landscape park, completed in February 2022, will have a striking impact on the industrial area.

PENGURUSAN HARTANAH PROPERTY MANAGEMENT

Pengurusan Perumahan Bertingkat dan Lain-Lain Projek PDC *Management of High-Rise Housing and Other PDC Projects*

Di bawah polisi baru yang telah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2021, semua permohonan yang diterima pada tahun 2022 bagi kerja-kerja pengecatan semula dan pembaikan kritikal untuk projek perumahan bertingkat PDC telah dipertanggungjawabkan kepada Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP). Meskipun begitu, PDC tetap menyalurkan sumbangan kepada Kerajaan Negeri pada tahun 2022 berjumlah RM700,000 bagi membantu membiayai kerja-kerja pengecatan semula dan pembaikan kritikal yang berkaitan. PDC juga akan meneruskan sumbangan kepada Kerajaan Negeri sebanyak RM500,000 pada tahun 2023 dan RM300,000 pada tahun 2024.

Selain itu, PDC masih tetap melaksanakan kerja-kerja bagi permohonan yang diterima sebelum pelaksanaan polisi baru di atas. Pada tahun tinjauan, PDC telah melaksanakan dan menyiapkan dua (2) projek pembaikan kritikal iaitu kerja pembaikan bumbung di Blok 358, Gat Lebu Macallum dan kerja pembaikan gutter di Blok 344, Gat Lebu Macallum.

PDC juga telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan kritikal di projek *Flat Type R*, Bukit Gedong yang merangkumi kerja pembaikan konkrit, pagar dan longkang yang melibatkan kos berjumlah RM2,140,000.00.

Under the new policy that came into effect on 1 January 2021, all applications received in 2022 for repainting and critical repairs work for PDC's high-rise housing projects have been delegated to the Penang Housing Board (LPNPP). However, PDC still contributed RM700,000 to the State Government in 2022 to help finance related repainting and critical repairs work. PDC will also continue contributing RM500,000 in 2023 and RM300,000 in 2024 to the State Government.

Furthermore, PDC continued to carry out works for applications received before implementing the new policy mentioned above. In the year under review, PDC completed two (2) critical repairs projects, namely roof repair work in Block 358, Macallum Street Ghaut and gutter repair work in Block 344, Macallum Street Ghaut.

PDC also performed critical repair works in the Flat Type R, Bukit Gedong project, which involved concrete repair, railing, and gutter work at the cost of RM2,140,000.00.



Pemuliharaan Semula KOMTAR *KOMTAR Restoration*

Selepas negara beralih ke Fasa Endemik COVID-19, PDC terus mengatur strategi pelaksanaan untuk mengembalikan kegemilangan bangunan ikonik, KOMTAR, bagi memastikan ia kekal relevan dan menjadi pilihan pelancong dan rakyat setempat.

Antara strategi yang berkaitan adalah untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan penaiktarafan kemudahan dan peralatan bangunan yang berumur 36 tahun ini. Pada tahun tinjauan, kerja-kerja penggantian 20 unit pengelolaan udara (AHU) di KOMTAR Fasa 1 telah dimulakan dan dijangka siap pada suku pertama tahun 2023.

Selain itu, kerja-kerja pembaikan lantai konkrit di Menara KOMTAR Tingkat 10, 27, 43 & 61 dan bahagian-bahagian yang dikenal pasti di tingkat bawah (Podium) telah dijalankan dan dijangka siap pada suku akhir tahun 2023. Penggantian tali dawai untuk lif-lif zon tinggi dan zon rendah di Blok Menara, KOMTAR telah siap dilaksanakan. Manakala, kerja-kerja penggantian pendingin di Fasa 2B2D di KOMTAR dan pam air di Fasa 2B2D, KOMTAR juga sedang dilaksanakan pada tahun tinjauan.

After the nation transitioned into the Endemic Phase of COVID-19, PDC continued to devise implementation strategies to restore the glory of the iconic building, KOMTAR, to ensure its relevance and popularity among tourists and locals.

One of the strategies is to carry out repairs and upgrades to the building's facilities and equipment, which have been in operation for 36 years. In the year under review, the replacement of 20 Air Handling Units (AHUs) in KOMTAR Phase 1 has begun and is expected to be completed in the first quarter of 2023.

In addition, concrete floor repairs at KOMTAR Tower Levels 10, 27, 43 and 61, and identified areas at the lower levels (Podium) have been conducted and are expected to be completed by the end of 2023. The replacement of wire ropes for high and low zone elevators at Tower Block, KOMTAR, has been completed. Meanwhile, the replacement of chillers and water pumps in Phase 2B2D, KOMTAR were also underway in the year under review.





Dalam pada itu, tujuh (7) lot kedai 'F&B' yang dahulunya dibina oleh PDC di KOMTAR Walk telah disewa sepenuhnya. Kesemua lot kedai tersebut dijangka beroperasi sepenuhnya pada suku pertama tahun 2023. PDC Setia Urus Sdn Bhd (PDCSU) sebagai Pengurus Bangunan yang telah dilantik untuk mengurus dan menyelenggara KOMTAR Walk juga telah menganjurkan pelbagai aktiviti dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang, persatuan-persatuan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi tujuan menarik lebih ramai pengunjung ke KOMTAR. Ini sekaligus dapat menjadikan KOMTAR Walk sebagai sebuah hab sosial.

PDC juga sedang menggiatkan usaha promosi dan pemasaran unit-unit kosong di KOMTAR. Antara inisiatif yang telah diambil untuk kerja-kerja promosi dan pemasaran adalah pengiklanan melalui sepanduk, papan LED, *i-Property*, *Property Talk*, media sosial seperti di *Facebook* dan *Instagram* serta laman web PDC. PDC juga dalam proses untuk mengenal pasti unit-unit yang strategik bagi tujuan pembelian balik dalam usaha untuk melaksanakan pelan transformasi KOMTAR dan untuk meningkatkan dan mempelbagaikan aktiviti di KOMTAR.

PDC bersama-sama Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan sentiasa bekerjasama dan menjalankan tanggungjawab untuk memelihara bangunan ikonik dan bersejarah ini agar ianya kekal relevan dan menjadi pusat tumpuan di tengah-tengah bandar George Town.

Moreover, seven (7) F&B shop lots that were previously built by PDC in KOMTAR Walk have been fully leased. All shop lots are expected to be fully operational in the first quarter of 2023. Appointed as the Property Manager to manage and maintain KOMTAR Walk, PDC Setia Urus Sdn Bhd (PDCSU) has organised various activities in collaboration with the Penang State Government, associations, and non-governmental organisations (NGOs) to attract more visitors to KOMTAR. This will also make KOMTAR Walk a social hub.

*PDC is also intensifying its efforts to promote and market vacant units at KOMTAR. Among the promotional and marketing initiatives taken are advertising through banners, LED boards, *i-Property*, *Property Talk*, social media such as *Facebook* and *Instagram*, as well as PDC's website. PDC is also in the process of identifying strategic units for its buyback exercise as part of KOMTAR transformation plan and to enhance and diversify activities at KOMTAR.*

In collaboration with the Penang State Government, PDC will continue to fulfil its responsibility to preserve this iconic and historical building, ensuring its relevancy and becoming the centre of attraction in the heart of George Town.

PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN

ENTREPRENEURIAL DEVELOPMENT

PDC telah meneruskan peranannya dalam menyokong dan menyumbang usaha untuk membimbing dan membantu usahawan melalui pelaksanaan program dan kursus di samping menawarkan modal mikro kredit tambahan dalam bentuk pinjaman kepada usahawan di Pulau Pinang.

PDC has continued its role in supporting and contributing efforts to guide and assist entrepreneurs through the implementation of programmes and courses on top of offering additional micro-credit capital in the form of loans to entrepreneurs in Penang.

01

SKIM PINJAMAN HARAPAN (SPH) NEGERI PULAU PINANG

Melalui PDC, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mewujudkan satu inisiatif yang dinamakan Skim Pinjaman Harapan (SPH) bertujuan membantu mewujudkan dana modal tambahan kepada penaja dan peniaga kecil. Modal tambahan ini membolehkan peniaga kecil mengembangkan perniagaan dan secara tidak langsung mampu meningkatkan kos sara hidup dan pendapatan isi rumah. Peruntukan dana sebanyak RM11 juta telah disediakan bagi tujuan ini. Pada 28 Oktober 2022, YAB Ketua Menteri telah melancarkan dua skim baru bagi menggantikan lima skim sedia ada. Skim baharu ini menawarkan pinjaman bermula daripada RM5,000.00 hingga RM50,000.00 maksimum. Tempoh bayaran balik ialah selama 1 hingga 4 tahun. Setakat 31 Disember 2022, jumlah pengeluaran pinjaman ialah RM22.84 juta dan telah diluluskan kepada 3,869 peminjam merangkumi semua daerah di Pulau Pinang semenjak tahun 2019.

Bagi tahun 2022, sebanyak 14 program promosi telah diadakan bagi menarik lebih ramai usahawan di Pulau Pinang mendapatkan pinjaman SPH untuk mengembangkan perniagaan mereka. Sepanjang tahun 2022, seramai 180 peminjam telah mendapat manfaat daripada pinjaman ini dengan jumlah keseluruhan pinjaman yang telah diagihkan bernilai RM2,227,000.00.

Penang State Government, through PDC, has created an initiative called Skim Pinjaman Harapan (SPH) which aims to help create a fund to provide additional capital to petty traders and small businesses. This additional capital enables small traders to grow their businesses and indirectly increase their living costs and household income. A budget of RM11 million was allocated for this purpose. YAB Chief Minister, on 28 October 2022, launched two new schemes to replace the five existing schemes. These new schemes offer loans starting from RM5,000.00 to a maximum of RM50,000.00. The repayment period is within one to four years. As of 31 December 2022, the total loan disbursement is RM22.84 million and has been approved for 3,869 borrowers involving all districts in Penang since the year 2019.

In 2022, a total of 14 promotional programmes were held to encourage entrepreneurs in Penang to obtain the SPH loan to expand their businesses. Throughout 2022, as many as 180 borrowers have benefited from this loan, with a total loan disbursement amount of RM2,227,000.00.



02

TABUNG USAHAWAN TANI (TUT) NEGERI PULAU PINANG

Tabung Usahawan Tani (TUT) telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk mendorong golongan belia untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya. PDC telah dilantik untuk membantu pelaksanaan TUT bagi pihak Kerajaan Negeri. Permohonan bantuan pinjaman TUT dibuat melalui jabatan pengelola yang terdiri daripada Jabatan Pertanian, Perikanan dan Veterinar Pulau Pinang. Jabatan pengelola bertanggungjawab menilai permohonan untuk mengenal pasti pemohon yang layak.

Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM750,000 untuk melaksanakan program ini. Sejak 2015 sehingga kini, sebanyak RM1,099,000 telah diagihkan kepada 195 peminjam. Pada tahun 2022, jumlah pinjaman yang telah diagihkan adalah sebanyak RM119,000 dan seramai 20 orang usahawan pertanian telah memperoleh manfaat TUT.

Tabung Usahawan Tani (TUT) was implemented by the State Government to encourage youths to consider the agro-based industry sector as a career. PDC was appointed to assist in implementing TUT on behalf of the State Government. Application for TUT loan assistance is made through the organising committee comprising the Penang Department of Agriculture, Fisheries and Veterinary. The organising committee is responsible for evaluating applications to identify eligible applicants.

The State Government has allocated RM750,000 to implement this programme. From 2015 to date, a total of RM1,099,000 has been disbursed to 195 borrowers. In 2022, the approved loan disbursement amount was as much as RM119,000, and a total of 20 agricultural entrepreneurs obtained benefits from TUT.

Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak

The State Government has allocated

RM750,000



Sebanyak RM1,099,000 telah diagihkan kepada

A total of RM1,099,000 has been disbursed to


195 Peminjam / Borrowers



Jumlah pinjaman yang telah diagihkan adalah sebanyak

The approved loan disbursement amount was as much as

RM119,000



Seramai / A total of

20 Orang / Agricultural

orang usahawan pertanian telah memperoleh manfaat TUT

agricultural entrepreneurs obtained benefits from TUT



03

PROGRAM BUDAYA DAN LATIHAN KEUSAHAWANAN

ENTREPRENEURIAL CULTURAL AND TRAINING PROGRAMME

PDC juga telah menganjurkan program-program budaya dan latihan keusahawanan bagi usahawan Pulau Pinang yang berdaftar di bawah PDC untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan elemen keusahawanan untuk lebih berjaya dan berdaya saing dalam perniagaan mereka.

PDC telah berjaya menganjurkan sebanyak tujuh (7) program yang telah memberi manfaat kepada 453 orang usahawan di seluruh Pulau Pinang. Program-program yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

PDC has also implemented entrepreneurial cultural and training programmes for Penang entrepreneurs registered under PDC to enhance their knowledge, skills and entrepreneurial traits to become more successful and competitive in their businesses.

PDC has successfully implemented seven (7) programmes that have benefited 453 entrepreneurs throughout Penang. The programmes conducted were as follows:

BIL. NO.	TARIKH DATE	PROGRAM PROGRAMME
1	24 Februari 2022 24 February 2022	Kursus Bagaimana Memastikan Kesyukuran Perniagaan Sewaktu COVID-19 <i>Bagaimana Memastikan Kesyukuran Perniagaan Sewaktu COVID-19 Course</i>
2	14 April 2022 14 April 2022	Kursus Transformasi Perniagaan Ke Arah Pendigitalan <i>Transformasi Perniagaan Ke Arah Pendigitalan Course</i>
3	16 Jun 2022 16 June 2022	Kursus Pemantapan Motivasi Perniagaan <i>Pemantapan Motivasi Perniagaan Course</i>
4	22 & 23 Jun 2022 22 & 23 June 2022	Program "Bangkit" Usahawan - Pasca Pandemik (dengan kerjasama PERNAS) <i>"Bangkit" Usahawan - Pasca Pandemik Programme (collaboration with PERNAS)</i>
5	17 Ogos 2022 17 August 2022	Program Memperkasa Usahawan Wanita (dengan kerjasama PWDC) <i>Memperkasa Usahawan Wanita Programme (collaboration with PWDC)</i>
6	1 Oktober 2022 1 October 2022	Program e-Dagang Digital Penang (dengan kerjasama Digital Penang) <i>e-Dagang Digital Penang Programme (collaboration with Digital Penang)</i>
7	2 Oktober 2022 2 October 2022	Lifestyle Ladypreneurs <i>Lifestyle Ladypreneurs</i>



04

PENGANJURAN PROGRAM-PROGRAM PERDAGANGAN DI BAWAH SEKRETARIAT MMK PULAU PINANG UNTUK PEMBANGUNAN USAHAWAN *ORGANISING TRADE PROGRAMMES UNDER THE SECRETARIAT OF PENANG EXCO FOR ENTREPRENEURIAL DEVELOPMENT*

PDC, sebagai Sekretariat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, turut membantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam merancang, melaksana dan memantau pembangunan aktiviti perdagangan domestik dan antarabangsa serta pembangunan keusahawanan.

Antara program yang telah dilaksanakan oleh PDC di bawah portfolio Perdagangan adalah seperti berikut:

PDC, as the Secretariat of the Penang State Committee for Trade, Industry and Entrepreneurial Development, is involved in assisting the Penang State Government in planning, implementing and monitoring the development of domestic and international trade activities and entrepreneurship.

PDC implemented several programmes under the Trade portfolio, with the details as follows:

BIL. NO.	TARIKH DATE	PROGRAM PROGRAMME
1	25 Januari 2022 25 January 2022	Taklimat Halal Street UK <i>Briefing on Halal Street UK</i>
2	26 April 2022 26 April 2022	Taklimat Halal Street UK (BAHAGIAN 2) <i>Briefing on Halal Street UK (PART 2)</i>
3	2 Jun 2022 2 June 2022	Program Export Day Penang: Jom Pi Eksport (dengan kerjasama MATRADE) <i>Penang Export Day Programme: Jom Pi Eksport (collaboration with MATRADE)</i>
4	1-3 Julai 2022 1-3 July 2022	Penang International Halal Expo & Conference 2022 (PIHEC) <i>Penang International Halal Expo & Conference 2022 (PIHEC)</i>



► Penang Trade Events (PTE) 2022

PDC juga turut menyelaraskan sebanyak 124 program di bawah Penang Trade Events 2022 dengan jayanya.




► Platform Dalam Talian (e-Dagang)

Pada 14 September 2022, PDC telah berjaya menandatangani MoU dengan E-Jazmine Sdn Bhd, sebuah syarikat yang menyediakan platform dalam talian (eJazmine.com) bagi membantu usahawan memasarkan produk ke peringkat antarabangsa. Syarikat ini telah berjaya membawa produk Usahawan Pulau Pinang ke Ekspo Halal Turkiye pada 24 hingga 27 November 2022 dan Ekspo Halal London pada 1 hingga 3 Disember 2022.




► Penang Trade Events (PTE) 2022

PDC also coordinated programmes under Penang Trade Events 2022, with a total of 124 programmes successfully organised.



► Online Platform (e-Commerce)

On 14 September 2022, PDC successfully inked an MoU with E-Jazmine Sdn Bhd, a company that provides an online platform (eJazmine.com) to assist entrepreneurs in marketing their products internationally. This company has successfully brought Penang Entrepreneurs' products to participate in the Turkiye Halal Expo from 24 to 27 November 2022 and the London Halal Expo from 1 to 3 December 2022.



05

PENYERTAAN DALAM PAMERAN DAN MISI PERDAGANGAN

PARTICIPATION IN TRADE MISSION/ACTIVITIES

Kerajaan Negeri, melalui MMK Pembangunan Usahawan tetap meneruskan usaha mempromosikan aktiviti perdagangan melalui penyertaan dalam pameran-pameran serta misi perdagangan tempatan dan luar negara.

Antara program-program yang disertai oleh PDC dan Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

The State Government, through Penang State Committee for Entrepreneur Development, continues to promote trade activities through participation in trade exhibitions both locally and internationally.

The following are the programmes in which PDC and the State Government participated:

BIL. NO.	TARIKH DATE	PROGRAM PROGRAMME
1	16–23 Januari 2022 16–23 January 2022	Expo 2020 Dubai Expo 2020 Dubai
2	8 & 9 September 2022 8 & 9 September 2022	Lawatan ke Singapura (bersempena Pesta Makanan Geylang Serai) Trip to Singapore (in conjunction with Geylang Serai Food Festival)



06

KOMPLEKS RASA TROPIKA BUKIT TENGAH

Kompleks Rasa Tropika Bukit Tengah meliputi kawasan seluas 1.76 ekar dan bertempat di *Bukit Tengah Industrial Park*, Seberang Perai Tengah. Kawasan tersebut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti tempat duduk, tempat parkir, tandas dan surau. Ia memberi peluang kepada peniaga-peniaga kecil Bumiputera di kawasan sekitar untuk menjalankan perniagaan berasaskan makanan dan minuman.

Kompleks ini terdiri daripada 24 gerai penjaja untuk disewa yang menawarkan pelbagai hidangan makanan dan minuman kepada pelanggan yang terdiri daripada pekerja di kawasan perindustrian berdekatan serta penduduk di kawasan perumahan berhampiran.

Rasa Tropika Bukit Tengah Complex, situated at Bukit Tengah Industrial Park, Central Seberang Perai, covers an area of 1.76 acres with seating facilities, parking spaces, toilets and prayer rooms. It provides opportunities for Bumiputera small traders in the surrounding area to run food and beverage-based businesses.

The complex consists of 24 hawker stalls for rent that provide a variety of food and beverage to customers, consisting of workers in nearby industrial areas and residents in nearby residential areas.



PELABURAN

INVESTMENT

| PDC Nusabina Sdn Bhd (PDCN)

PDCN telah diperbadankan pada 24 September 1980 sebagai sebuah syarikat kontraktor. Sebagai sebuah syarikat Kontraktor Pembinaan Bangunan dan Kejuruteraan Awam, PDCN telah menyiapkan pelbagai jenis projek termasuk bangunan kediaman, bangunan komersial dan kerja-kerja infrastruktur.

Visi PDCN adalah untuk menjadi salah sebuah kontraktor utama yang berwibawa di rantau ini. Misinya pula adalah untuk menyediakan pengurusan yang cekap dan perkhidmatan yang keberkesanan kos, di samping menjaga tahap kualiti kerja serta mempraktikkan langkah-langkah keselamatan projek di tapak binaan.

Projek-projek yang telah dan sedang dikendalikan oleh PDCN sepanjang tahun 2022 adalah seperti berikut:

PDCN was incorporated on 24 September 1980 as a contractor company. As a Building Construction and Civil Engineering Contractor, PDCN has completed various types of projects to date, including residential buildings, commercial buildings and infrastructure works.

PDCN's vision is to become one of the leading reputable contractors in the region. Its mission is to provide efficient management and cost-effective services while maintaining the level of quality of work as well as practising project safety measures at the construction site.

The projects that have been and are currently handled by PDCN throughout 2022 are as follows:

01

Cadangan Perumahan Untuk Penempatan Semula Penduduk Ladang Byram di atas Sebahagian Lot 7578, Jalan Sungai Daun, Nibong Tebal, Mukim 11, Seberang Perai Selatan yang mengandungi: -

- a) 68 Unit Rumah Kluster Kos Rendah Setingkat
- b) Bangunan Sekolah Setingkat
- c) Bangunan Kuil Setingkat

Proposed Housing for Resettlement of Byram Estate Residents on A Part of Lot 7578, Jalan Sungai Daun, Nibong Tebal, Mukim 11, South Seberang Perai, which consists of:

- a) 68 Units of Single-Storey Low-Cost Cluster Housing
- b) Single-Storey School Building
- c) Single-Storey Temple Building

**Jumlah Kontrak | Contract Amount****RM 15,435,221.40****Tarikh Mula | Start Date****6 Oktober 2020 | 6 October 2020****Tarikh Tamat | Completion Date****21 Oktober 2023 | 21 October 2023**

02



Cadangan Kerja-Kerja Membina Bumbung Kanopi, Parit, dan Kerja-kerja yang Berkaitan di Komtar Walk Secara Reka & Bina Berhadapan Jalan Dr. Lim Chwee Leong, Seksyen 17, Georgetown, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.

Proposed Construction Work of Canopy Roof, Gutter and Related Works at Komtar Walk By Design & Build Opposite Jalan Dr. Lim Chwee Leong, Seksyen 17, Georgetown, North East District, Penang.



Jumlah Kontrak | Contract Amount

RM 488,000.00



Tarikh Mula | Start Date

1 Ogos 2022 | 1 August 2022



Tarikh Tamat | Completion Date

31 Oktober 2022 | 31 October 2022

03



Cadangan Kerja Tanah Dan Rawatan Tanah Serta Lain-Lain Kerja Yang Bersangkutan Dengannya Untuk Cadangan Membina Dan Menyiapkan Sebuah Pasar Awam 1 Tingkat (82 Unit), Sebuah Kompleks Makanan 1 Tingkat (32 Unit), Gerai Tertutup 1 Tingkat (20 Unit), Ruang Penjaja Terbuka 1 Tingkat (78 Petak), Bilik Serbaguna 1 Tingkat (2 Unit), Surau 1 Tingkat, Tandas Awam 1 Tingkat (2 Unit), 2 Unit Depo Sampah Dan Kitar Semula 1 Tingkat, 1 Unit Pencawang TNB 1 Tingkat, 1 Unit Kolam Takungan Air Hujan Di Atas Sebahagian Lot 282 (Lot Lama 274), Zon 1, Bandar Cassia, Mukim 13, Batu Kawan, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.

Proposed Soil Work and Soil Treatment And Other Related Works for the Proposed Construction and Completion of a Single-Storey Public Market (82 Units), a Single-Storey Food Complex (32 Units), a Single-Storey Closed Stall (20 Units), a Single-Storey Vendor Open Stall Area (78 Plots), a Single-Storey Multipurpose Room (2 Units), a Single-Storey Surau, a Single-Storey Public Toilet (2 Units), 2 Units of Single-Storey Garbage and Recycling Depot, 1 Unit of Single-Storey TNB Substation, 1 Unit of Rainwater Reservoir On Part of Lot 282 (Formerly Lot 274), Zone 1, Bandar Cassia, Mukim 13, Batu Kawan, South Seberang Perai District, Penang.



Jumlah Kontrak | Contract Amount

RM 8,350,000.00



Tarikh Mula | Start Date

7 November 2022 | 7 November 2022



Tarikh Tamat | Completion Date

6 Januari 2024 | 6 January 2024

PDC Nusabina Sdn Bhd (PDCN) [samb.]

04



Cadangan Kerja Ubahsuai, Menaiktaraf Dan Hiasan Dalaman Pejabat Aras Eksekutif Paras 2 Serta Kerja-Kerja Berkaitan Secara Reka Dan Bina Di Bangunan PDC, Bandar Bayan Baru, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang.

Proposed Renovation, Upgrading, and Interior Decoration Works of Executive Level 2 Office and Related Design and Build Works at PDC Building, Bandar Bayan Baru, Southwest District, Penang.



Jumlah Kontrak | Contract Amount
RM 2,450,000.00



Tarikh Mula | Start Date
13 Julai 2022 | 13 July 2022



Tarikh Tamat | Completion Date
12 November 2024 | 12 November 2024

05



Cadangan Kerja Menambun Tanah Dan Rawatan Tanah Serta Lain-Lain Kerja Yang Bersangkutan Dengannya Di Plot Bandar Cassia Industrial Park (BCTP), Batu Kawan, Mukim 13, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang (Fasa 2).

Proposed Earth Filling and Soil Treatment Works and Other Related Works at Bandar Cassia Industrial Park (BCTP), Batu Kawan, Mukim 13, South Seberang Perai, Penang (Phase 2).



Jumlah Kontrak | Contract Amount
RM 61,600,000.00



Tarikh Mula | Start Date
16 Jun 2022 | 16 June 2022



Tarikh Tamat | Completion Date
15 Januari 2024 | 15 January 2024

PDCN telah diberi mandat dan peluang untuk menyempurnakan semua projek berkenaan. Dengan kemahiran dalam pembinaan serta kakitangan pengurusan yang berpengalaman, PDCN akan memastikan semua projek dikendalikan dengan baik.

PDCN has been given the mandate and opportunity to complete all the projects. With specialised skills in construction and experienced management staff, PDCN will ensure all projects are well managed.

PDC Telecommunication Services Sdn Bhd (PDC Telco)

PDC Telecommunication Services Sdn Bhd adalah sebuah subsidiari milik penuh PDC yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang luas dalam pembangunan infrastruktur telekomunikasi di Pulau Pinang. Lebih dikenali sebagai PDC Telco, subsidiari ini turut diberi tanggungjawab sebagai penasihat teknikal kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang di samping mewakili Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dalam berperanan sebagai Agensi Pusat Sehenti (OSA) untuk menguruskan permohonan permit kerja-kerja pengorekan jalan bagi penanaman kabel telekomunikasi.

Dengan visi untuk 'Menjadikan Pulau Pinang sebagai Bandar Pintar dengan berasaskan Komuniti Digital' dan misi untuk 'Mengintegrasikan Data ke Masa Hadapan', PDC Telco membuka tirai tahun 2022 dengan menganjurkan satu majlis makan malam pada 23 Februari 2022 yang dirasmikan oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang, merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah PDC Telco. Penganjuran majlis yang gilang-gemilang di Hotel St. Giles Wembley, Bandaraya, George Town, adalah untuk meraikan dan menghargai sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh pelbagai pihak seperti agensi kerajaan serta pihak berkuasa tempatan kepada PDC Telco sepanjang tahun-tahun lepas. Di majlis tersebut, PDC Telco turut menyumbangkan dana yang berjumlah RM1 juta kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai sokongan kepada usaha untuk mewujudkan sebuah *Internet Exchange Point* (IXP) di Pulau Pinang.



PDC Telecommunication Services Sdn Bhd is a wholly owned subsidiary of PDC, which has extensive expertise and experience in the development of telecommunications infrastructure in Penang. Better known as PDC Telco, this subsidiary is also given the responsibility of being a technical advisor to the Penang State Government in addition to representing the Penang Chief Minister Incorporated (CMI) in its role as a One Stop Agency (OSA) to manage permit applications for road trenching works for telecommunication cable installation.

With a vision to 'Make Penang a Smart City based on a Digital Community' and a mission to 'Integrate Data into the Future', PDC Telco opened the curtain in 2022 by hosting a dinner on 23 February 2022, which was officiated by YAB Chief Minister of Penang, who is also the Chairman of the Board of Directors for PDC Telco. The glorious ceremony was organised at St. Giles Wembley Hotel, George Town, to celebrate and appreciate the support and cooperation given by various parties, such as government agencies and local authorities, to PDC Telco over the past years. At the event, PDC Telco also donated funds amounting to RM1 million to the Penang State Government in support of the effort to establish an Internet Exchange Point (IXP) in Penang.

| PDC Telecommunication Services Sdn Bhd (PDC Telco) [samb.]



Sepanjang tahun 2022, PDC Telco telah bekerjasama rapat dengan Digital Nasional Berhad (DNB), sebuah syarikat tujuan khas (SPV) milik Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dalam menyediakan infrastruktur telekomunikasi jaringan 5G untuk syarikat tersebut. Di Pulau Pinang, DNB telah membahagikan pelaksanaan infrastruktur 5G kepada beberapa fasa, seperti Fasa 1B dengan 151 tapak, Fasa 2A dengan 312 tapak dan Fasa 2B dengan 11 tapak. Susulan itu, DNB telah memasang peralatan telekomunikasinya di struktur-struktur sedia ada milik PDC Telco di samping mengatur PDC Telco untuk membina beberapa tapak baru.

PDC Telco turut mengekalkan kerjasama erat dengan syarikat-syarikat telekomunikasi yang lain dalam menyediakan infrastruktur telekomunikasi untuk syarikat-syarikat tersebut. Kini, PDC Telco memiliki sebanyak 73 tapak infrastruktur telekomunikasi pelbagai jenis di seluruh Negeri Pulau Pinang seperti *monopole*, *monopole tree*, menara kekisi berkaki tiga/empat, dan sebagainya. Turut memasuki perkhidmatan adalah struktur *Smart Street Pole* (SSP). Ia merupakan sejenis tiang lampu jalan yang boleh dipasangkan dengan beberapa pilihan peranti bandar pintar seperti kamera litar tertutup, paparan LED, peranti IOT, sensor dan lain-lain.

Throughout year 2022, PDC Telco worked closely with Digital Nasional Berhad (DNB), a special purpose vehicle company (SPV) owned by the Malaysian Ministry of Finance (MOF), in providing 5G network telecommunications infrastructure for the company. In Penang, DNB has divided the implementation of 5G infrastructure into several phases, such as Phase 1B with 151 sites, Phase 2A with 312 sites, and Phase 2B with 11 sites. Following that, DNB also installed its telecommunication equipment in some of PDC Telco's existing structures, in addition to several orders to PDC Telco to build more new sites.

PDC Telco also maintained close cooperation with other telecommunication companies in providing telecommunication infrastructure for those companies. Currently, PDC Telco has 73 telecommunication infrastructure sites of various types throughout Penang, such as monopole, monopole tree, three/four-legged lattice towers, and so on. Smart Street Pole (SSP) structure also made a debut this year. It is a type of street light pole that can be installed with several smart city devices, including closed circuit cameras, LED displays, IOT devices, sensors and more.



Di samping itu, PDC Telco turut memulakan kolaborasi bersama pemaju-pemaju hartanah terkenal seperti Aspen Group Berhad dan Eco World Development Group Berhad dalam membangunkan infrastruktur telekomunikasi di kawasan-kawasan pemajuan mereka, seperti di *Aspen Vision City* dan *Eco Horizon*.

Walau bagaimanapun, PDC Telco akan sentiasa menyokong dan bekerjasama dengan pihak PDC dan kerajaan negeri. Ini jelas dizahirkan semenjak tahun 2011, di mana PDC Telco telah memberi pulangan dividen dengan jumlah terkumpul sebanyak RM50,149,950.00 kepada PDC melalui syarikat PDC Premier Holdings Sdn Bhd, subsidiari induk PDC yang bertanggungjawab menyelia aktiviti semua subsidiari PDC. PDC Telco telah turut menyumbang kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan jumlah terkumpul sumbangan sebanyak RM7,249,605.00 setakat ini.

Menjelang tahun 2023, PDC Telco bukan sahaja dapat mengekalkan momentum pencapaiannya, bahkan lebih bersedia dan bersemangat untuk menghadapi tahun-tahun yang lebih mencabar untuk merebut peluang-peluang keemasan yang ada.

In addition, PDC Telco also started a collaboration with well-known real estate developers like Aspen Group Berhad and Eco World Development Group Berhad in the development of telecommunications infrastructure within their development areas, such as Aspen Vision City and Eco Horizon.

However, PDC Telco will always support and cooperate with PDC and Penang State Government. This has been apparent since 2011 when PDC Telco returned dividends with a cumulative amount of RM50,149,950.00 to PDC through PDC Premier Holdings Sdn Bhd, PDC's parent subsidiary responsible for overseeing the activities of all PDC subsidiaries. PDC Telco has also contributed to the Penang State Government, with the accumulated amount of contributions so far being RM7,249,605.00.

By 2023, PDC Telco will not only be able to maintain the momentum of its achievements, but also be more prepared and enthusiastic to face the more challenging years to seize the golden opportunities that are available.

| PDC Setia Urus Sdn Bhd (PDCSU)

Pada tahun 2022, pelbagai usaha telah dijalankan oleh PDCSU bagi pemuliharaan semula KOMTAR yang menjangkau usia 40 tahun bagi memastikan keselesaan dan keselamatan pengunjung. PDCSU telah menjalankan kerja naiktaraf 16 buah lif yang merangkumi 8 buah lif Zon Rendah dan 8 buah lif Zon Tinggi dengan kerja-kerja penukaran tali dawai bagi memastikan sistem dapat berfungsi dalam keadaan baik dan selamat serta sebagai langkah yang perlu dipatuhi sepertimana yang ditetapkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP). Sebagai sebuah bangunan yang merupakan nadi bagi agensi kerajaan, keselamatan pengunjung serta kakitangan kerajaan merupakan keutamaan yang dititikberatkan oleh PDCSU.

Selain daripada itu, PDCSU telah melipatgandakan usaha bagi menarik lebih ramai pengunjung ke KOMTAR yang merupakan bangunan ikonik di Pulau Pinang dengan mengadakan lebih banyak aktiviti promosi untuk semua masyarakat tanpa mengira umur, bangsa dan agama di kawasan ruang legar KOMTAR serta KOMTAR Walk. Antaranya termasuklah Tarian Singa sempena Sambutan Tahun Baru Cina, Sambutan Hari Wanita, Bazaar Ramadhan, *Distinguished Gentlemen's Ride*, Kempen Derma Darah, *Festival Mini Curry* sempena *Penang International Food Festival*, Program Kempen Pemeriksaan dan Penyelenggaraan Motosikal Honda, Pertandingan Boria, Pelepasan Kontijen Pulau Pinang ke Pertandingan Malaysia Techlympics 2022 dan lain-lain.

Untuk terus maju dalam bidang pengurusan bangunan, pihak PDC juga sedang mengkaji penggunaan Sistem Pengurusan Bangunan (BIM) ke atas bangunan-bangunan yang diselenggara oleh PDCSU. Sebagai salah satu langkah ke arah penggunaan BIM, satu lawatan kerja telah dijalankan ke Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) untuk sesi perkongsian ilmu BIM. Selain daripada itu, lawatan kerja turut diadakan ke *Sunway Putra Mall* yang merupakan sebuah bangunan di bawah REITs. Sesi perkongsian ilmu tersebut diadakan bagi mengukuhkan lagi PDCSU sebagai sebuah syarikat Pengurusan Bangunan yang berdaya maju.

In 2022, PDCSU undertook various efforts to restore KOMTAR, which has reached 40 years old, to ensure the comfort and safety of visitors. PDCSU has upgraded 16 lifts, comprising 8 Low Zone lifts and 8 High Zone lifts, with wire rope replacement works to ensure that the system functions safely and properly, as required by the Department of Occupational Safety and Health (DOSH). As a building that serves as the heart of government agencies, the safety of visitors and government staff is a top priority for PDCSU.

In addition, PDCSU has intensified efforts to attract more visitors to KOMTAR, the iconic building in Penang, by organising more attractive promotional activities for all segments of society regardless of age, race, or religion in the KOMTAR and KOMTAR Walk areas. These include Lion Dance performances during the Chinese New Year, Women's Day celebrations, Ramadan Bazaar, Distinguished Gentlemen's Ride, Blood Donation Campaign, Mini Curry Festival for the Penang International Food Festival, Honda Motorcycle Inspection and Maintenance Campaign, Boria Competition, the dispatch of the Penang Contingent to the Malaysia Techlympics 2022, and many more.

To advance in building management, PDC is also studying the use of Building Information Systems (BIM) for buildings maintained by PDCSU. As a step towards using BIM, a working visit was made to the Malaysian Public Works Department (JKR) office for a knowledge-sharing session about BIM. Additionally, a visit was made to Sunway Putra Mall, which is a building under REITs, to enhance PDCSU's position as a forward-looking Building Management company.



Persembahan Tarian Singa sempena sambutan Tahun Baru Cina yang turut dihadiri oleh YB Teh Lai Heng, ADUN KOMTAR

Lion Dance performance in conjunction with the Chinese New Year celebration, also attended by YB Teh Lai Heng, KOMTAR's State Assemblyman

| PDC Setia Urus Sdn Bhd (PDCSU) [samb.]



Kempen Pemeriksaan dan Penyelenggaraan Motosikal Honda secara percuma yang dirasmikan oleh YAB Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang

Free Honda Motorcycle Inspection and Maintenance Campaign inaugurated by YAB Chow Kon Yeow, Chief Minister of Penang



Pelepasan peserta ke Pertandingan Akhir Peringkat Kebangsaan Malaysia Techlympics 2022

The departure of participants to the National Finals of the Malaysia Techlympics 2022



Acara Distinguished Gentleman's Ride

Distinguished Gentleman's Ride Event



Pesta Kuih Bulan

Mooncake Festival



Pertandingan Boria yang merupakan tarian simbolik negeri-negeri utara Malaysia, terutamanya Pulau Pinang

Boria competition, a symbolic dance of the northern states of Malaysia, especially Penang



Sambutan Hari Wanita dengan slogan "Break the Bias"

International Women's Day celebration with the slogan "Break the Bias"



Festival Mini Curry sempena Penang International Food Festival 2022

Mini Curry Festival for the Penang International Food Festival 2022



Kerja-kerja penukaran tali dawai untuk 16 buah lif penumpang Zon Tinggi dan Zon Rendah

Replacement of wire ropes for 16 passenger lifts in the High Zone and Low Zone

Projek Telah Siap Dibina *Completed Projects*

Projek Perumahan Mampu Milik | *Affordable Housing*



Dua Residensi, Teluk Kumbar
Dua Residensi, Teluk Kumbar

Kedai Pejabat | *Office Shops*

- 7 unit kedai pejabat | *7 office shop unit*
- 3 & 4 tingkat | *3 & 4 storeys*
- Harga: RM1,823,508 - RM5,170,380
Price: RM1,823,508 - RM5,170,380
- Keluasan: 4,558 kp - 12,925 kp
Area: 4,558 sq. ft. - 12,925 sq. ft.

Unit Rumah | *Housing Units*

3 bilik dan 2 bilik air | *3 bedrooms and 2 bathrooms*

a Jenis A (Kos Sederhana) *Type A (Medium Cost)*

 Harga | *Price*
RM300,000 - RM330,000

 Keluasan: 1,000 kp
Area: 1,000 sq. ft.

b Jenis B (Kos Sederhana) *Type B (Medium Cost)*

 Harga | *Price*
RM250,000 - RM275,000

 Keluasan: 850 kp
Area: 850 sq. ft.

c Jenis C (Kos Sederhana Rendah) *Type C (Low Medium Cost)*

 Harga | *Price*
RM72,500

 Keluasan: 700 kp
Area: 700 sq. ft.



Jiran Residensi Kg Jawa, Butterworth
Jiran Residensi Kg Jawa, Butterworth

Kedai Pejabat | *Office Shops*

- 15 unit kedai pejabat | *15 office shop unit*
- 3 tingkat | *3 storeys*
- Harga: RM1,823,508 - RM5,170,380
Price: RM1,823,508 - RM5,170,380
- Keluasan: 4,200 kp - 7,400 kp
Area: 4,200 sq. ft. - 7,400 sq. ft.

Unit Rumah | *Housing Units*

3 bilik dan 2 bilik air | *3 bedrooms and 2 bathrooms*

a Jenis A (Kos Sederhana) *Type A (Medium Cost)*

 Harga | *Price*
RM250,000 - RM275,000

 Keluasan: 1,000 kp
Area: 1,000 sq. ft.

b Jenis B (Kos Sederhana) *Type B (Medium Cost)*

 Harga | *Price*
RM200,000 - RM250,000

 Keluasan: 850 kp
Area: 850 sq. ft.

c Jenis C (Kos Sederhana Rendah) *Type C (Low Medium Cost)*

 Harga | *Price*
RM72,500

 Keluasan: 700 kp
Area: 700 sq. ft.



Suria 1, Bandar Cassia
Suria 1, Bandar Cassia

Unit Rumah | **Housing Units**

3 bilik dan 2 bilik air | **3 bedrooms and 2 bathrooms**

a Jenis A (Kos Sederhana)
Type A (Medium Cost)

 **Harga | Price**
RM220,000 – RM242,000

 **Keluasan: 1,000 kp**
Area: 1,000 sq. ft.

b Jenis B (Kos Sederhana)
Type B (Medium Cost)

 **Harga | Price**
RM168,000 – RM184,000

 **Keluasan: 900 kp**
Area: 900 sq. ft.

c Jenis C (Kos Sederhana Rendah)
Type C (Low Medium Cost)

 **Harga | Price**
RM72,500

 **Keluasan: 800 kp**
Area: 800 sq. ft.

Projek Dalam Pembinaan *Projects Under Construction*

1 **Cassia Cempaka (Fasa 1), Daerah Seberang Perai Selatan** *Cassia Cempaka (Phase 1), South Seberang Perai District*

Kemajuan di tapak: 2.34 % | On-site progress: 2.34 %



16 Unit Rumah Berkembar 2-Tingkat Jenis A (PT3373-PT3388)
16 Units of Type A 2-Storey Semi-Detached Houses (PT3373-PT3388)



42 Unit Rumah Teres 2-Tingkat Jenis A (PT3302-PT3343)
42 Units of Type A 2-Storey Terrace Houses (PT3302-PT3343)

2 **Cecil Residency, Daerah Timur Laut** *Cecil Residency, North-East District*

- Pembangunan 24 tingkat
Construction of 24 storeys
- 348 unit LMC
348 units of LMC
- Kemajuan di tapak: 55.13%
On-site progress: 55.13%



3 **Apartment Mak Mandin Indah, Daerah Seberang Perai Utara** *Mak Mandin Indah Apartment, North Seberang Perai District*

- Pembangunan 13 tingkat
Construction of 13 storeys
- 187 unit kos rendah
187 low-cost units
- Kemajuan di tapak: 90%
On-site progress: 90%
- Lokasi: Lorong Mak Mandin 5, Seksyen 3, Bandar Butterworth, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang
Location: Lorong Mak Mandin 5, Section 3, Bandar Butterworth, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang



Projek Akan Datang *Upcoming Projects*

1

Bukit Jambul Fasa 1, Daerah Timur Laut *Bukit Jambul (Phase 1), North-East District*

- 200 unit rumah
200 housing units
- 3 blok kondominium
3 blocks of condominiums
- Jangkaan mula kerja: Q3, 2023
Estimated start of construction: Q3, 2023



2

Juru, Daerah Seberang Perai Tengah *Juru, Central Seberang Perai District*

- 21 unit kedai 3 tingkat
21 units of 3-storey shop lots
- 21 unit kedai 2 tingkat
21 units of 2-storey shop lots
- 76 unit rumah teres 2 tingkat
76 units of 2-storey terrace houses
- Jangkaan mula kerja: Q4, 2023
Estimated start of construction: Q4, 2023



3

Burmah Square, Daerah Timur Laut *Burmah Square, North-East District*

- 1 blok suit pejabat 25 tingkat (138 unit)
1 block of 25-storey office suites (138 units)
- 1 blok kondominium 32 tingkat (450 unit)
1 block of 32-storey condominiums (450 units)
- Jangkaan mula kerja: Q1, 2024
Estimated start of construction: Q1, 2024



Projek Akan Datang [con't] Upcoming Projects [con't]

4

One Mutiara, Daerah Timur Laut *One Mutiara, North-East District*

- 356 unit rumah mampu milik
356 units of affordable housing
- 1 blok pangsapuri 27 tingkat
1 block of 27-storey apartments
- Jangkaan mula kerja: Q4, 2023
Estimated start of construction: Q4, 2023



5

Suria Fasa 2, Daerah Seberang Perai Selatan *Suria (Phase 2), South Seberang Perai District*

- 3 blok 12, 14 dan 19 tingkat
3 blocks of 12, 14, and 19 storeys
- 520 unit rumah mampu milik
520 units of affordable housing
- Jangkaan mula kerja: Q1, 2023
Estimated start of construction: Q1, 2023



6

Bertam, Daerah Seberang Perai Utara *Bertam, North Seberang Perai District*

- 28 unit rumah teres 2 tingkat
28 units of 2-storey terrace houses
- 20 unit rumah berkembar 2 tingkat
20 units of 2-storey semi-detached houses
- Jangkaan mula kerja: Q3, 2023
Estimated start of construction: Q3, 2023



KORPORAT CORPORATE

Peningkatan Kerjaya Career Improvement



PDC telah merangka Pelan Pembangunan Bakat ('*Talent Development Plan*') untuk diadaptasi dalam program '*up-skilling*' dan '*re-skilling*' bagi melahirkan kakitangan yang kompeten. Usaha ini berdasarkan hala tuju PDC untuk memastikan pelan penggantian ('*succession plan*') berjalan lancar selaras dengan perjalanan PDC agar terus relevan dalam pembangunan sosio ekonomi negeri.

Perjalanan kerjaya kakitangan diformulakan melalui kolaborasi bersama beberapa institusi dan agensi swasta seperti USM, PSDC, ABM, CIDB, Akademi PKNS dan pemain industri, dalam memantapkan kemahiran melalui penerapan elemen ESG (Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus) serta SDG (Matlamat Pembangunan Lestari). Dengan kejayaan pensijilan profesional kepada kakitangan, penilaian kompetensi dapat dilaksanakan dan mampu dirancang untuk fokus kepada skop-skop kemahiran yang berterusan.

PDC has developed a Talent Development Plan to be adapted to up-skilling and re-skilling programmes to enhance staff competency. This effort is based on the direction of Strategic Planning to ensure that the succession plan runs in line with PDC's journey to remain relevant in the state's socioeconomic development.

The career journey of staff is formulated through collaboration with several private institutions and agencies, such as USM, PSDC, ABM, CIDB, PKNS Academy and industry players, in strengthening skills with the application of ESG (Environmental, Social and Governance) elements and SDGs (Sustainable Development Goals). With the successful professional certification of the staff, a competency assessment can be carried out and planned to focus on the scope of continuous skills.

Latihan dan Pembangunan Kakitangan *Staff Training and Development*



PDC telah meneruskan usahanya untuk menguruskan program-program latihan untuk kakitangan PDC dan subsidiarinya bagi memastikan mereka dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang bersesuaian untuk menghadapi cabaran dalam menghadapi suasana perniagaan serta budaya kerja yang lebih mencabar.

Pada tahun 2022, sebanyak 148 kursus, seminar dan bengkel yang merangkumi pelbagai topik dalam bidang seperti pengurusan pentadbiran, integriti, pembinaan, undang-undang kewangan, sumber manusia dan teknologi maklumat telah dihadiri oleh kakitangan PDC dan subsidiarinya.

PDC has continued its efforts to manage training programmes for PDC and its Subsidiaries' staff, ensuring they are equipped with the appropriate skills and knowledge to meet the challenges and navigate a more challenging business environment and work culture.

In 2022, PDC and its Subsidiaries' staff attended a total of 148 courses, seminars and workshops covering various topics such as administrative management, integrity, construction, financial law, human resources and information technology.

Seramai 350 orang kakitangan PDC dan subsidiarinya telah menghadiri kursus yang dijalankan secara fizikal dan dalam talian. Berdasarkan Pelan Transformasi Sumber Manusia, seramai 33 orang Pegawai Kanan dari setiap bahagian telah menghadiri kursus-kursus yang bersesuaian dengan skop kerja kakitangan seperti *Project Management, Problem Solving and Decision Making using Design Thinking to Spark New Ideas, Project Leadership & Communication Skills, High Impact Presentation Skills*, dan *The Art Of Communication & Negotiating*. Kursus ini juga merupakan anjuran daripada Penang Skills Development Centre (PSDC).

Di samping itu, Program Pembinaan Pasukan juga telah diaktifkan semula pada tahun ini. Program ini merupakan agenda penting untuk pembangunan diri dalam usaha merealisasikan Pelan Transformasi Sumber Manusia. Program yang dilaksanakan sebanyak dua sesi ini telah dihadiri oleh 100 orang kakitangan di Hotel Lexis Suites Penang. Program Pembinaan Pasukan pada tahun ini dikendalikan secara 'in-house' hasil gabungan Bahagian Khidmat Pengurusan, Unit Integriti, Unit Audit Dalam, serta Bahagian Perancangan Strategik & Pelaburan di bawah slogan '1 Heart, 1 Team & 1 Legacy'.

Objektif program ini juga termasuk mengaplikasikan nilai-nilai korporat, memupuk semangat kerjasama dan mengatasi sikap saling menyalahkan antara satu sama lain, bekerja secara efektif, berkomunikasi dengan berkesan, serta memupuk budaya kreatif dan inovatif.

A total of 350 PDC and its Subsidiary staff attended the courses, which were conducted both physically and online. Based on the Human Resource Transformation Plan, a total of 33 Senior Officers from each division attended courses relevant to the staff's work scope, such as Project Management, Problem Solving and Decision Making using Design Thinking to Spark New Ideas, Project Leadership & Communication Skills, High Impact Presentation Skills, The Art Of Communication & Negotiating. These courses were also organised by Penang Skills Development Centre (PSDC).

In addition, the Team Building Programme was also reactivated during the year. This programme is an important agenda for self-development in the pursuit of realising the Human Resource Transformation Plan. The two-session programme was attended by 100 staff at Hotel Lexis Suites Penang. The Team Building Programme for the year was conducted in-house due to the combination of the Management Services Division, Integrity Unit, Internal Audit Unit, as well as the Strategic Planning & Investment Division, all under the slogan '1 Heart, 1 Team & 1 Legacy'.

The objectives of this programme also include applying corporate values, cultivating the spirit of cooperation and overcoming blame attitudes between each other, working effectively, communicating effectively, and fostering a creative and innovative culture.



Program Libat Urus Kakitangan *Staff Engagement Programme*

Menyedari kepentingan penglibatan kakitangan PDC dan subsidiarinya, PDC telah mengadakan program libat urus kakitangan agar komponen Pengurusan Projek berskala kecil dijiwai dan difahami. Program-program ini dilaksanakan secara 'in-house' bagi menilai kemampuan kakitangan untuk berdikari serta menjana kreativiti bersumberkan sistem teknologi sedia ada.

Antara program yang dianjurkan pada tahun ini termasuklah:

Realising the importance of the involvement of PDC staff and its Subsidiaries, PDC has organised a staff engagement programme so that the small-scale Project Management component is understood. These programmes are implemented in-house to assess the ability of staff to be independent and generate creativity based on existing technology systems.

The programmes organised during the year include:



Majlis Persaraan
Retirement Ceremony



Perhimpunan Kakitangan
Staff Assembly



Makan Malam PDC
PDC Annual Dinner



Sumbangan kepada Mutiara Food Bank
Donation to Mutiara Food Bank



Kempen Derma Darah PDC
PDC Blood Donation Campaign



Sumbangan Komputer Terpakai kepada Sekolah
Donation of Used Computers to Schools



Pertandingan Dekorasi Merdeka 2020
Merdeka Decoration Competition 2020



Skim PEKA PKS
Penang Business Continuity Loan Scheme



Sumbangan Tabung COVID-19
Donation to COVID-19 Fund

Selain itu, dalam usaha untuk mengeratkan ikatan silaturahim dan memupuk semangat kerjasama sesama kakitangan, seramai 62 kakitangan dari pelbagai gred/jawatan telah dipilih untuk menyertai Kontinjen Perarakan Merdeka Ke-65. Ketika fasa Latihan dijalankan, kakitangan telah dilatih untuk menitikberatkan disiplin, menghormati masa dan semangat cintakan Jabatan.

Untuk menghargai sumbangan kakitangan kepada Jabatan, PDC telah mengadakan Pesta Durian dan Buah-buahan Tempatan PDC pada bulan Jun 2022. Pelbagai jenis buah-buahan tempatan dihidangkan kepada kakitangan. Seramai 369 kakitangan dan pihak pengurusan terlibat dengan penganjuran aktiviti ini. Pada bulan Disember 2022, PDC juga telah menganjurkan Jamuan Makan Malam bertempat di *Banquet Hall*, KOMTAR, bertemakan "*Night of Colours*". Jamuan tersebut telah dihadiri oleh 400 orang yang terdiri daripada warga PDC dan jemputan VIP dan VVIP.

In addition, to foster ties and the spirit of cooperation among staff, 62 staff from various grades/positions were selected to participate in the 65th Merdeka Parade Contingent. During the Training phase, staff were trained to focus on discipline, respect for time and love for the Department.

*In recognition of the staff's contribution to the Department, PDC organised the PDC Durian and Local Fruits Festival in June 2022. A wide variety of local fruits were served to the staff. A total of 369 staff and management were involved in organising this activity. In December 2022, PDC also organised a Dinner at Banquet Hall, KOMTAR, themed "*Night of Colours*", with a total of 400 people comprising PDC staff, and VIP and VVIP invitees.*

Kebajikan Kakitangan Staff Welfare

PDC menekankan keperluan kakitangan dalam usaha memastikan elemen asas kerjaya, keluarga dan kesihatan terbela. Kelayakan dan kemudahan adalah berdasarkan pekeling kerana ia telah diteliti agar kemudahan dan manfaat untuk kebajikan kakitangan serta keluarga dapat dinikmati.

Antara kemudahan/manfaat yang telah disediakan dan dikemaskini pada tahun ini adalah seperti berikut:

PDC emphasises the needs of staff in an effort to ensure that the basic elements of career, family and health are maintained. Eligibility and facilities are based on circular as it is scrutinised so that facilities and benefits for the welfare of staff and families can be enjoyed.

Some of the facilities/benefits provided and updated during the year are as follows:



1. Kemudahan kesihatan dan perubatan untuk kakitangan dan ahli keluarga terdekat kakitangan:

Health and medical facilities for staff and immediate family members of staff:

- a** Perlindungan Insurans Berkelompok Untuk Pesakit Luar – Group Outpatient And Clinical (GOPC) sebanyak RM8,000 setahun sekeluarga
Group Insurance Coverage for Outpatient and Clinical (GOPC) of RM8,000 per year per family
- b** Perlindungan Insurans Berkelompok Untuk Pesakit Dalam “In-Patient” – Group Hospital & Surgical Health Insurance Scheme (GHS) sebanyak RM60,000 setahun sekeluarga
In-Patient Group Insurance Coverage – Group Hospital & Surgical Health Insurance Scheme (GHS) of RM60,000 per year per family
- c** (Group Term Life Insurance) - GTL sebanyak RM100,000 setahun bagi setiap kakitangan
(Group Term Life Insurance) - GTL of RM100,000 a year for each staff

2. Kenaikan Kadar Kemudahan Pemeriksaan Kesihatan Tahunan Bagi Kakitangan PDC & PDC Premier Berumur 40 Tahun Ke Atas

Increase in Annual Health Screening Facility Rate for PDC & PDC Premier Staff Aged 40 Years and Above

- a** RM800.00 (kakitangan wanita);
RM800.00 (female staff);
- b** RM600.00 (kakitangan lelaki);
RM600.00 (male staff);



Kebajikan Kakitangan [samb.]

Staff Welfare [con't]

3. Kemudahan Rawatan Pergigian kepada Kakitangan PDC dan PDC Premier dengan had tuntutan maksima RM300.00

Dental Treatment Facility for PDC and PDC Premier Staff with a maximum claim limit of RM300.00



4. Bantuan Insentif Perayaan Tahun Baru Cina, Hari Raya Puasa, Deepavali, Hari Krismas dan Bonus Prestasi

Assistance Incentive for Chinese New Year Celebration, Hari Raya Puasa, Deepavali, Christmas Day and Performance Bonus

5. Insentif kecemerlangan pendidikan untuk anak-anak kakitangan

Educational excellence incentives for staff children



6. Insentif untuk anak-anak kakitangan memasuki program ijazah

Incentives for staff children to enter degree programmes



7. Tabung Kebajikan (RM1,000.00) untuk perbelanjaan permulaan persekolahan

Welfare Fund (RM1,000.00) for initial school expenses

8. Anugerah Penghargaan telah dikemaskini bagi kategori kakitangan yang telah berkhidmat seperti berikut:

The Appreciation Award has been updated for the categories of staff who have served as follows:

- a** 15 tahun - RM2,000.00
15 years - RM2,000.00
- b** 25 tahun - RM10,000.00
25 years - RM10,000.00
- c** 30 tahun - RM12,000.00
30 years - RM12,000.00



Kebajikan Kakitangan [samb.]

Staff Welfare [con't]



9. Pembayaran Wang Ehsan Kepada Kakitangan PDC Jika Berlaku Kematian Ahli Keluarga Terdekat Sebanyak RM2,000.00

Payment of RM2,000.00 in Wang Ehsan to PDC Staff in the event of the Death of Immediate Family Member

10. Pemberian Bantuan Wang Ehsan Kepada Kakitangan Yang Ditimpa Bencana/Musibah Sumbangan Sebanyak RM1,000.00

Contribution of RM1,000.00 in Wang Ehsan to Staff affected by Disaster/Crisis



11. Sagu hati buah-buahan/hamper bayi diberikan kepada kakitangan PDC yang dimasukkan ke hospital akibat sakit, kemalangan atau bersalin

Fruit consolation/baby hamper given to PDC staff who are hospitalised due to illness, accident or childbirth

12. Pinjaman Komputer/Telefon Pintar/ Kombinasi Kedua-Duanya dan jumlah maksimum pinjaman sebanyak RM5,000.00

Loan of Computer/Smartphone/ Combination of Both and a maximum loan amount of RM5,000.00



Pengurusan Ansilari *Ancillary Management*

Bagi tahun 2022, kerjasama antara Bahagian Khidmat Pengurusan bersama dengan Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi, Bahagian Pengurusan Bangunan, Bahagian Pengurusan Infrastruktur dan Bahagian Komunikasi Korporat masih diteruskan untuk kerja pengubahsuaian dan penaiktarafan kawasan pejabat serta penambahbaikan dengan penyediaan kemudahan fasiliti dalam bangunan Ibu Pejabat PDC.

Kerja-kerja ini dilaksanakan selaras dengan impian dan matlamat untuk merealisasikan *Smart Building PDC* serta menyediakan persekitaran kerja yang lebih kondusif kepada warga PDC. Antara inisiatif yang telah selesai pada tahun 2022 ialah penaiktarafan kamera litar (CCTV); penaiktarafan sistem penghawa dingin yang telah membawa kepada penjimatan tenaga elektrik; pengubahsuaian *CEO Wing* yang mempamerkan imej korporat; Kafeteria PDC berkonsep moden dan 'trending'; pengubahsuaian tandas di *Wing A*; serta pemasangan solar turut selesai dijalankan.

Pelbagai projek dan kerja penaiktarafan akan diteruskan dan dijangka siap pada tahun 2023 iaitu penaiktarafan sistem siar raya, penaiktarafan lif, penaiktarafan sistem telefon pejabat, penyediaan ruang menunggu luar bangunan dilengkapi dengan peralatan senaman, Bilik Mesyuarat Pintar, pengubahsuaian Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Perolehan dan beberapa Bahagian lain.

Kerja-kerja ini dilaksanakan untuk keperluan semasa dalam usaha untuk meningkatkan produktiviti dan kerelevanan pada masa ini serta mempamerkan imej korporat dalam penjenamaan semula PDC.

For the year 2022, the collaboration between the Management Services Division and the Information & Communication Technology Division, Building Management Division, Infrastructure Management Division and Corporate Communications Division continued for the renovation and upgrading of the office area as well as improvements with the provision of facilities in the PDC Headquarters building.

These works are carried out in line with the dream and goal to realise Smart Building PDC as well as provide a more conducive working environment for the PDC staff. Some of the initiatives completed in 2022 are the upgrading of circuit cameras (CCTV); the upgrading of the air-conditioning system, which has led to the saving of electricity; the renovation of the CEO Wing that showcases the corporate image; the renovation of the PDC Cafeteria based on a modern and trendy concept; the renovation of toilets in Wing A; and solar installations.

Various projects and upgrading works will continue and are expected to be completed in 2023, namely the upgrading of the public broadcast system, elevator upgrade, upgrading of the office telephone system, provision of outdoor waiting area equipped with exercise equipment, Smart Meeting Room, as well as renovating the Management Services Division, Procurement Division and several other Divisions.

These projects were carried out due to the current need to increase productivity and relevance in the present as well as to showcase the corporate image in the rebranding of PDC.

Teknologi Maklumat & Komunikasi *Information & Communication Technology*



Selaras dengan perancangan strategik untuk teknologi maklumat dan komunikasi, pelbagai usaha diteruskan bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Antaranya, menaik taraf infrastruktur rangkaian dan menyediakan liputan Wi-Fi yang komprehensif untuk memantapkan ketersambungan ke ekosistem pintar dan maklumat di samping meningkatkan kelajuan capaian ke internet.

Komputer mudah alih telah disediakan untuk kemudahan kakitangan bekerja dari rumah (*work from anywhere, anytime*) dan memastikan kesinambungan perniagaan. Storan dan keselamatan pengurusan dokumen digital dalam persekitaran awan telah dipertingkatkan di mana kakitangan boleh menyimpan dan mengakses data mereka dari mana-mana dan pada bila-bila masa dengan selamat. Beberapa lawatan penerokaan teknologi inovasi digital menerusi lawatan rasmi bersama pihak-pihak berkepentingan ke syarikat seperti Maxis Business Innovation Centre, Microsoft Malaysia, SmartZone Showroom dan Jabatan Kerja Raya (HQ) turut dilaksanakan.

In line with strategic planning for information and communication technology, various initiatives were conducted to improve service delivery to customers. Among them were upgrading the network infrastructure and providing comprehensive Wi-Fi coverage to strengthen connectivity to smart ecosystems and information, in addition to increasing the speed of access to the Internet.

Mobile computers were provided for the convenience of staff working from home (work from anywhere, anytime) and to ensure business continuity. The storage and security of digital document management in a cloud environment have been improved, where staff can securely store and access their data from anywhere and anytime. Several digital innovation technology exploration visits were also implemented through official visits with stakeholders to companies, such as Maxis Business Innovation Centre, Microsoft Malaysia, SmartZone Showroom and Public Works Department (HQ).

Anugerah/Pencapaian Awards/Achievements



01

Penang Open Data Apps Challenge 2022 anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang bermula pada 15 Julai hingga 17 Ogos 2022.

Pencapaian: Tempat ke-5 dengan hadiah RM500.00

Penang Open Data Apps Challenge 2022 organised by Penang State Government from 15 July to 17 August 2022.

Achievement: 5th Place with prize money of RM500.00

02

Pertandingan Innovation Blast sempena Hari Inovasi Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2022 anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tarikh tutup 18 Ogos 2022.

Pencapaian: Sijil Penghargaan

Innovation Blast Competition in conjunction with the Penang State Level Innovation Day 2022 organised by the Penang State Government on the closing date of 18 August 2022.

Achievement: Certificate of Appreciation



Teknologi Maklumat & Komunikasi [samb.] *Information & Communication Technology [con't]*

Anugerah/Pencapaian *Awards/Achievements*



03

Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang (AIKNPP) 2022 Kategori ICT anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tarikh tutup 18 Ogos 2022.
Pencapaian: Sijil Penghargaan

Penang State Government Innovation Award (AIKNPP) 2022 ICT category organised by the Penang State Government on the closing date of 18 August 2022.
Achievement: Certificate of Appreciation



Hal Ehwal Perundangan *Legal Matters*

DOKUMENTASI

Perjanjian-perjanjian yang berjaya dimuktamadkan sepanjang tahun adalah seperti berikut:

- ▶ Perjanjian Pajakan yang ditandatangani di antara PDC dan Osram Opto Semiconductors (Malaysia) Sdn Bhd pada 31 Januari 2022 berkenaan pajakan 30 tahun atas sebidang tanah berkeluasan lebih kurang 60 ekar yang dikenali sebagai Lot 338 di Taman Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang dengan jumlah bayaran pajakan sebanyak RM118.9 juta.
- ▶ Perjanjian Tambahan yang ditandatangani di antara PDC dan Eco Horizon Sdn Bhd pada 3 Oktober 2022 untuk menyelesaikan isu berbangkit mengenai pembinaan pembentungan dan infrastruktur lain yang berkaitan di Batu Kawan. Perjanjian tersebut telah menyumbang kepada penjimatan kos di pihak PDC. Penyediaan perjanjian dan rundingan dikendalikan sendiri oleh Bahagian Guaman tanpa melibatkan panel peguam.
- ▶ Perjanjian Jual Beli yang ditandatangani di antara PDC dan Le Sanctuary Sdn Bhd dengan jumlah bayaran sebanyak RM49.8 juta pada 24 Januari 2022 untuk penjualan tanah perumahan di Plot 3, Bandar Cassia. Tanah ini akan dimajukan oleh pemaju hartanah dan secara amnya projek ini akan menjana pekerjaan serta menyediakan kawasan perumahan untuk rakyat Pulau Pinang.

DOCUMENTATION

The agreements executed during the year are as follows:

- ▶ A Lease Agreement between PDC and Osram Opto Semiconductors (Malaysia) Sdn Bhd on 31 January 2022 in respect of a 30 years lease for a piece of land measuring approximately 60 acres known as Lot 338 located at Penang International Technology Park, with a total lease consideration of RM118.9 million.
- ▶ A Supplemental Agreement between PDC and Eco Horizon Sdn Bhd on 3 October 2022 to resolve outstanding issues on the construction of a sewerage treatment plant and other related infrastructures in Batu Kawan, which eventually contributed to cost saving for PDC. The Supplemental Agreement has been prepared in-house without the appointment of external solicitors.
- ▶ A Sale and Purchase Agreement between PDC and Le Sanctuary Sdn Bhd, with a total consideration of RM49.8 million, on 24 January 2022 for the sale of residential land in Plot 3, Bandar Cassia. Real estate developers will develop this land, and generally, this project will generate jobs and provide housing for the people of Penang.

Hal Ehwal Perundangan [samb.]**Legal Matters [con't]**

- ▶ Perjanjian Penambakan dan Pembangunan yang ditandatangani di antara PDC dengan Asia Green Ventures Sdn Bhd dengan jumlah bayaran sebanyak RM33 juta pada 15 Mac 2022 untuk penambakan dan pembangunan hartanah di kawasan persisiran pantai berdekatan bulatan Queensbay. PDC juga diberi keluasan tanah sebanyak 8.91 ekar dalam perjanjian ini dan ini akan membolehkan PDC untuk memainkan peranan sebagai pemaju di satu tempat yang akan menjadi tumpuan komersil dan perumahan terbaru Pulau Pinang.
- ▶ Perjanjian Jual Beli yang ditandatangani di antara PDC dan Green Camour Property Sdn Bhd dengan jumlah bayaran sebanyak RM53.2 juta pada 18 Julai 2022 untuk penjualan tanah komersil di Plot 1, Bandar Cassia. Tanah ini akan dimajukan oleh pemaju hartanah dan secara amnya projek ini akan menjana pekerjaan serta menyediakan kawasan perumahan untuk rakyat Pulau Pinang.
- ▶ Perjanjian Jual Beli yang ditandatangani di antara PDC dan Genggam Mekar Land Sdn Bhd dengan jumlah bayaran sebanyak RM85 juta pada 7 November 2022 untuk penjualan tanah komersil di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu berdekatan dengan kuarters Polis Marin. Perjanjian tersebut akan membuka langkah untuk kawasan berdekatan dengan kuarters Polis Marin untuk dibangunkan dengan bangunan komersil yang akan menjana pekerjaan untuk rakyat Pulau Pinang.
- ▶ A Reclamation and Development Agreement between PDC and Asia Green Ventures Sdn Bhd, with a total payment of RM33 million, on 15 March 2022 for the reclamation and development of properties in the coastal area near the Queensbay roundabout. PDC was also allocated a land area of 8.91 acres in this agreement, and this will allow PDC to play the role of a developer in a place that will become the newest commercial and residential focus of Penang.
- ▶ A Sale and Purchase Agreement between PDC and Green Camour Property Sdn Bhd, with a total consideration of RM53.2 million, on 18 July 2022 for the sale of commercial land in Plot 1, Bandar Cassia. Real estate developers will develop this land, and generally, this project will generate jobs and provide housing for the people of Penang.
- ▶ A Sale and Purchase Agreement between PDC and Genggam Mekar Land Sdn Bhd, with a total payment of RM85 million, on 7 November 2022 for the sale of commercial land on Tun Dr. Lim Chong Eu Expressway close to the Marine Police quarters. The agreement will pave the way for the development of commercial buildings in the area near the Marine Police quarters, which will generate jobs for the people of Penang.

LITIGASI/NASIHAT PERUNDANGAN

Keputusan kes-kes mahkamah sepanjang tahun adalah seperti berikut:

- ▶ Mahkamah Sesyen Pulau Pinang Guaman Sivil No. PA-B52NCvC-16-04/2022 antara Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Mohamed Meera Sahib (M) Sdn Bhd.

Penghakiman telah diperolehi pada 20 Julai 2022 oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PPPP) untuk milikan kosong premis yang dikenali sebagai Pusat Automart, Seberang Jaya, Butterworth dan untuk pembayaran hutang sebanyak RM449,517.60.

Milikan kosong premis diperolehi pada 16 Januari 2023.

- ▶ Mahkamah Tinggi Pulau Pinang Rujukan Tanah No. PA-15-48-09/2017 Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang lwn Pentadbir Tanah Seberang Perai Selatan yang didengar bersama Rujukan Tanah No. PA-15-47-09/2017 BHT Livestock Farms Sdn Bhd lwn Pentadbir Tanah Seberang Perai Selatan.

Mahkamah Tinggi Pulau Pinang telah kekalkan pampasan sebanyak RM3,975,380.05 yang telah dikeluarkan oleh Pentadbir Tanah dalam kedua-dua kes rujukan tanah tersebut. BHT Livestock Farms Sdn Bhd (BHT) gagal untuk memperolehi pampasan yang lebih tinggi berjumlah RM26,497,809.00. Dalam kes ini, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PPPP) melalui bantahan terhadap pampasan yang telah diberikan telah berjaya mengemukakan penilaian swasta yang lebih rendah daripada penilaian asal Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dan hujahan untuk perhatian mahkamah yang mana sebelumnya hanya terhad kepada penilaian JPPH dan penilaian swasta yang dikemukakan oleh pemilik tanah sahaja. Bantahan PPPP berjaya menghalang BHT daripada memperolehi pampasan yang lebih tinggi.

LITIGATION/LEGAL ADVICE

The outcome of court cases during the year are as below:

- ▶ Penang Sessions Court Civil Suit No. PA-B52NCvC-16-04/2022 between Penang Development Corporation and Mohamed Meera Sahib (M) Sdn Bhd.

Penang Development Corporation (PDC) obtained judgment on 20 July 2022 for vacant possession of premises known as Automart Centre, Seberang Jaya, Butterworth and for payment of the debt in the sum of RM449,517.60.

Vacant possession of premises was obtained on 16 January 2023.

- ▶ Penang High Court Land Reference No. PA-15-48-09/2017 Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang v Pentadbir Tanah Seberang Perai Selatan heard together with Penang High Court Land Reference No. PA-15-47-09/2017 BHT Livestock Farms Sdn Bhd v Pentadbir Tanah Seberang Perai Selatan.

The Penang High Court upheld the award amounting to RM3,975,380.05 issued by the Land Administrator in both cases, thus denying BHT Livestock Farms Sdn Bhd (BHT) to obtain higher in compensation of RM26,497,809.00. The Penang Development Corporation, by objecting to the award, had availed the court of their independent valuation that is lower than the valuation of the Valuation and Property Management Department (VPMD) and submissions which is not available to the court hearing the objection by BHT which is confined to the valuation of VPMD and the independent valuation submitted by BHT. The objection by PDC prevented BHT from obtaining a higher compensation.

Integriti Integrity

Selaras dengan pelancaran Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 oleh Y.A.B Perdana Menteri Malaysia, PDC, sebagai Agensi Badan Berkanun Negeri Pulau Pinang telah memberikan komitmen penuh untuk melaksanakan program-program antirasuah dan pembudayaan integriti di dalam organisasi. Justeru, PDC bersama Unit Integriti PDC selaku Badan Pematuhan “Compliance Function” telah melaksanakan pelbagai program utama untuk mencegah rasuah pada tahun 2022. Pengurusan Tertinggi serta Badan Tadbir Urus PDC telah meletakkan agenda pembudayaan integriti sebagai prioriti utama, khususnya dari aspek sumber manusia dan kewangan.

Following the National Anti-Corruption Plan 2019-2023 initiated by YAB Prime Minister of Malaysia, PDC, as a Penang State Agency, has given its full commitment to implementing a mitigation plan for anti-corruption issues. Hence, PDC, together with the PDC Integrity Unit as the Compliance Body, have implemented various major programmes against corruption in 2022. PDC's Top Management and Governing Body have placed the integrity agenda as the highest priority, especially in human resources and financial aspects.

Below are the programmes that have been carried out:

Berikut merupakan program-program yang telah dijalankan:

A Tadbir Urus Governance

BIL. NO.	PERKARA ITEM	PENCAPAIAN ACHIEVEMENTS
1	Pelan Pengurusan Risiko Rasuah <i>Corruption Risk Management Plan</i>	- Penglibatan keseluruhan 16 Bahagian dan Unit di PDC <i>The involvement of all 16 Divisions and Units in PDC</i> - Penglibatan bersama pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) <i>Co-participation with Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC)</i> - Penambahbaikan proses dijalankan secara berterusan dengan pemantauan oleh pihak Badan Tadbir Urus “Governing Body” untuk memenuhi keperluan pemegang kepentingan <i>Continuous process improvement is conducted with monitoring by the Governing Body to fulfil stakeholder needs</i>
2	Pelan Antirasuah Organisasi “Organisational Anti-Corruption Plan” (OACP) PDC 2021-2023 <i>PDC Organisational Anti-Corruption Plan (OACP) 2021-2023</i>	- Memberikan fokus kepada dua (2) Bidang Keutamaan iaitu Perolehan Awam dan Pengurusan Projek <i>Focusing on two (2) Priority Areas, namely Public Procurement and Project Management</i> - Sebanyak 24 inisiatif bagi langkah-langkah pencegahan telah dilaksanakan bagi tempoh 3 tahun <i>Implemented 24 initiatives for preventive measures within three (3) years</i> - Penglibatan bersama pihak Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) <i>Co-participation with Malaysian Anti-Corruption Academy (MACA)</i>

A Tadbir Urus Governance

BIL. NO.	PERKARA ITEM	PENCAPAIAN ACHIEVEMENTS
3	Ke Arah Pensijilan "Anti-Bribery Management System" MS ISO 37001:2016 <i>Towards Anti-Bribery Management System MS ISO 37001:2016 Certification</i>	- Memberikan fokus kepada enam (6) fungsi utama PDC iaitu Perolehan, Perindustrian, Perancangan Fizikal, Pembangunan Tanah, Pembangunan dan Pengurusan Harta, dan Sokongan <i>Focusing on PDC's six (6) core functions, namely Procurement, Industrialisation, Physical Planning, Land Development, Property Development and Management, and Support</i> - Pelaksanaan bengkel pemahaman, pengauditan, dan pensijilan untuk MS ISO 37001:2016 ABMS. <i>The implementation of workshops for understanding, auditing, and certification for MS ISO 37001:2016 ABMS</i> - Perundingan oleh SIRIM STS Sdn Bhd dan pengauditan oleh SIRIM QAS Sdn Bhd <i>Consultation by SIRIM STS Sdn Bhd and audited by SIRIM QAS Sdn Bhd</i>
4	Pembangunan Polisi/ Dasar Antirasuah <i>Development of Anti-Corruption Policy</i>	- Pembangunan Polisi Antirasuah PDC <i>Development of PDC Anti-Corruption Policy</i> - Pembangunan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat "Whistleblowing" <i>Development of Whistleblowing Policy</i> - Pembangunan Polisi Pemberian dan Penerimaan Hadiah <i>Development of Gift Policy</i>

B Program Pengukuhan Integriti Integrity Strengthening Programme

BIL. NO.	PERKARA ITEM	PENCAPAIAN ACHIEVEMENTS
1	Program Pengukuhan Integriti Bersama pihak SPRM Negeri Pulau Pinang <i>Integrity Strengthening Programme with MACC Pulau Pinang</i>	Menganjurkan seminar yang melibatkan semua kakitangan dan Pengurusan sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun <i>Organised seminars for a minimum of three (3) times a year involving all PDC staff and Management</i>
2	Penyertaan Program Pengukuhan Integriti bersama Unit Integriti, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang <i>Involvement in the Integrity Strengthening Programme with the Integrity Unit, Penang State Secretary Office</i>	Penyertaan sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun melibatkan semua kakitangan dan Pengurusan <i>Participated for a minimum three (3) times a year involving all PDC staff and Management</i>
3	Program Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD) <i>Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD) Programme</i>	Penglibatan Bersama Agensi Pencegahan Dadah Kebangsaan (AADK) Negeri Pulau Pinang <i>Co-participation with the Penang State National Anti-Drugs Agency</i>

Tanggungjawab Sosial Korporat

CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY

Program-program Tanggungjawab Sosial Korporat

Corporate Social Responsibility Programmes

16 Mac 2022
16 March 2022

Kempen Derma Darah
PDC-KOMTAR
PDC-KOMTAR Blood
Donation Campaign



Mac | March

11 Mac 2022
11 March 2022

Food Drive PDC
PDC Food Drive



19 Mac 2022
19 March 2022

Program Memasak
Makanan Pek
Cooking Programme
for Packaged Food



29 Mei 2022
29 May 2022

Program Sumbangan
PDC dengan Kerjasama
Mutiara Food Bank dan
Pejabat ADUN Batu Maung
PDC Donation Programme
in collaboration with
Mutiara Food Bank and
Batu Maung Assemblyman's
Office



Mei | May

Jun | June

22 Jun 2022
22 June 2022

Kempen Derma
Darah PDC
PDC Blood Donation



24 September 2022
24 September 2022

Kempen Derma Darah
PDC-Lotus's Seberang
Jaya
PDC-Lotus's Seberang
Jaya Blood Donation
Campaign



September

November

3 November 2022
3 November 2022

Penyerahan Mock
Cheque daripada PDC
ke Mutiara Food Bank
Presentation of Mock
Cheque from PDC to
Mutiara Food Bank



12 November 2022
12 November 2022

Program Penanaman Pokok
sempena Ulang Tahun
ke-50 Perindustrian
Pulau Pinang
Tree Planting in conjunction
with the 50th Anniversary
of Penang's Industrialisation



Disember
December

14 Disember 2022
14 December 2022

Kempen Derma
Darah PDC
PDC Blood
Donation Campaign



Acara-acara Korporat *Corporate Events*



Program-program 'In-House' *In-House Programmes*



8 Mac 2022 | 8 March 2022

Sambutan Hari Wanita Sedunia 2022

Celebration of International Women's Day 2022



25 Mei 2022 | 25 May 2022

Hari Kesihatan PDC

PDC Health Day



28 Jun 2022 | 28 June 2022

Pesta Durian dan Buah-buahan Tempatan PDC 2022

PDC Durian and Local Fruits Festival 2022



29 Julai 2022 | 29 July 2022

Perhimpunan Kakitangan PDC

PDC Staff Assembly



13 Oktober 2022 | 13 October 2022

Pembinaan Pasukan

Team Building

Acara-acara Korporat [samb.] *Corporate Events [con't]*



17 November 2022 | 17 November 2022

Sambutan Ulang Tahun PDC ke-53

PDC 53rd Anniversary Celebration



5 Disember 2022 | 5 December 2022

Perhimpunan Kakitangan PDC

PDC Staff Assembly



7 Disember 2022 | 7 December 2022

Pembinaan Pasukan 2

Team Building 2



8 Disember 2022 | 8 December 2022

Majlis Penyerahan Sijil Perkhidmatan Lama

Long Service Award Ceremony



21 Disember 2022 | 21 December 2022

Penyampaian Hadiah & Sesi Bergambar bagi kakitangan yang berjaya "Lucky Draw Dinner"

Presentation of Prizes & Photo Session for successful employees "Lucky Draw Dinner"



Kunjungan Hormat *Courtesy Call*



1 Mac 2022 | 1 March 2022

Kunjungan Hormat ke atas TYT oleh KPE dan Timbalan KPE
Courtesy Call on TYT by CEO and Deputy CEO



1 Jun 2022 | 1 June 2022

Lawatan daripada MATRADE
Visit from MATRADE



20 Jun 2022 | 20 June 2022

Kunjungan Hormat Delegasi dari Melaka
Courtesy Call from Malacca Delegation



20 Jun 2022 | 20 June 2022

Kunjungan Hormat Delegasi dari Perak
Courtesy Call from Perak Delegation



28 Julai 2022 | 28 July 2022

Lawatan daripada Malaysia Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC)
Visit from Malaysia Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC)

Acara-acara Korporat [samb.] *Corporate Events [con't]*



4 Ogos 2022 | 4 August 2022

Lawatan daripada Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC)

Visit from Sarawak Economic Development Corporation (SEDC)



12 Ogos 2022 | 12 August 2022

Lawatan daripada Microsoft Malaysia

Microsoft Malaysia Visit



25 Ogos 2022 | 25 August 2022

Kunjungan Hormat daripada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK)

Courtesy Call from Kelantan State Economic Development Corporation (PKINK)



26 Ogos 2022 | 26 August 2022

Kunjungan Hormat daripada Institut Rehda

Courtesy Call from REHDA Institute



19 September 2022 | 19 September 2022

Kunjungan Hormat daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP)

Courtesy Call from Perak State Development Corporation (PKNP)



3-6 Oktober 2022 | 3-6 October 2022

Lawatan *Comparative Strategic Investment & Planning* ke Bangkok, Thailand

Comparative Strategic Investment & Planning Visit to Bangkok, Thailand



7 November 2022 | 7 November 2022

Kunjungan Hormat daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)

Courtesy Call from Inland Revenue Board of Malaysia (IRBM)



11 November 2022 | 11 November 2022

Kunjungan Hormat daripada Bakal-bakal Duta Malaysia

Courtesy Call from Future Malaysian Ambassadors



30 November 2022 | 30 November 2022

Kunjungan Hormat Delegasi Indonesia

Courtesy Call from Indonesian Delegation



Lawatan-lawatan Visits



11 Februari 2022 | 11 February 2022

Lawatan Kerja YAB Menteri Kewangan ke Pusat Transformasi Bandar (UTC Pulau Pinang)

Working Visit of YAB Finance Minister to Urban Transformation Centre (UTC Penang)



30 September 2022 | 30 September 2022

Lawatan Sambil Belajar ke Kilang Paramit Malaysia Sdn Bhd di Penang Science Park

Study Tour to Paramit Malaysia Sdn Bhd's Factory at Penang Science Park

Acara-acara Korporat [samb.] Corporate Events [con't]



Acara-acara/Program-program Events/Programmes



4 Januari 2022 | 4 January 2022

Majlis Penyerahan Tugas Mantan KPE kepada KPE Baharu
Handover Ceremony of Former CEO's Duties to New CEO



17 Januari 2022 | 17 January 2022

Majlis Pelancaran Ulang Tahun ke-50 Perindustrian Pulau Pinang
Launching of 50th Anniversary of Penang's Industrialisation



19 Februari 2022 | 19 February 2022

Pengumuman Rasmi Penubuhan Starfive Technology
Official Announcement on the Establishment of Starfive Technology



2 Mac 2022 | 2 March 2022

Lawatan Tapak Ketua Menteri Negeri Pulau Pinang ke Butterworth Arena
Site Visit of Penang State Chief Minister to Butterworth Arena



7 Mac 2022 | 7 March 2022

Pengumuman Pelaburan ams OSRAM
Investment Announcement of ams OSRAM in Penang



4 April 2022 | 4 April 2022

Majlis Pelancaran Laporan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP)
Launching of the Organisational Anti-Corruption Plan Report (OACP)



4 April 2022 | 4 April 2022

Majlis Pecah Tanah Pembangunan Perumahan Mampu Milik Suria 2
Ground Breaking of Suria 2 Affordable Housing



12 Mei 2022 | 12 May 2022

Sidang Media KOMTAR Walk
KOMTAR Walk Press Conference



2 Jun 2022 | 2 June 2022

Acara Jom Export MATRADE
MATRADE Jom Export Event



16 Jun 2022 | 16 June 2022

Majlis Pelancaran Projek Pembinaan Semula Bangunan Pasar Awam dan Pusat Penjaja Seberang Perai
Launch Ceremony of the Reconstruction of the Public Market Building and Seberang Perai Hawker Centre




21-23 Jun 2022 | 21-23 June 2022

Pameran SEMICON Southeast Asia 2022
SEMICON Southeast Asia 2022 Exhibition



1 Julai 2022 | 1 July 2022

Pemulihan Ekonomi dalam Industri Halal dan Makanan
Rejuvenating the Economy in Halal & Food Industries



1-3 Julai 2022 | 1-3 July 2022

Penyertaan dalam PIHEC 2022
Participation in PIHEC 2022

Acara-acara Korporat [samb.] Corporate Events [con't]



22 Julai 2022 | 22 July 2022

Majlis Persaraan YBhg. Dato' Dr. Ahmad Jailani Mantan Ketua Setiausaha Negeri Pulau Pinang

Retirement of YBhg. Dato' Dr. Ahmad Jailani Former Chief Secretary of Penang



31 Julai 2022 | 31 July 2022

Penyertaan dalam Klippa Run Bandar Cassia

Participation in Bandar Cassia Klippa Run



6 September 2022 | 6 September 2022

Sidang Media untuk RFT Sia Boey

Press Conference of Request For Tenancy (RFT) Sia Boey



13-15 September 2022 | 13-15 September 2022

World Congress on Information Technology (WCIT) 2022

World Congress on Information Technology (WCIT) 2022



10 Oktober 2022 | 10 October 2022

Program "CM Chow Jelajah Love Penang" Ke Parlimen Tanjong

CM Chow Jelajah Love Penang Programme to Tanjong Parliament



20 Oktober 2022 | 20 October 2022

Majlis Penyampaian Sijil kepada Peserta Ekspo Dubai

Certificate Presentation Ceremony for Participants of Expo Dubai



28 Oktober 2022 | 28 October 2022

Majlis Pelancaran Skim Pinjaman Harapan (SPH) 2.0

Launching of Skim Pinjaman Harapan (SPH) 2.0



4-6 November 2022 | 4-6 November 2022

Ekspo Makanan dan Minuman Malaysia 2022

Malaysia Food and Beverage Expo 2022



28 November 2022 | 28 November 2022

Majlis Pertukaran Perjanjian Pajakan di antara PDC dan Walta

Ceremony of Lease Agreement Exchange between PDC and Walta



1 Disember 2022 | 1 December 2022

Majlis Menandatangani Dokumen Perjanjian Tabung Usahawan Tani (TUT)

Agreement Signing Ceremony with Tabung Usahawan Tani (TUT)



2 Disember 2022 | 2 December 2022

Makan Malam Pengiktirafan Negeri Pulau Pinang: Ulang Tahun ke-50 Perindustrian

Penang State Recognition Dinner: 50th Anniversary of Industrialisation



13 Disember 2022 | 13 December 2022

Majlis Perasmian Pesta Pulau Pinang 2022

Opening Ceremony of the 2022 Penang Festival



PENYATA KEWANGAN

FINANCIAL STATEMENT



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Kumpulan dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 45.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Kumpulan pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan keperluan Enakmen Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1971.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Perbadanan, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Perbadanan Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Perbadanan bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan keperluan Enakmen Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1971. Lembaga Perbadanan juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Kumpulan, Lembaga Perbadanan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Perbadanan;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Perbadanan dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan
- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Lembaga Perbadanan telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain


Berdasarkan keperluan Enakmen Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1971, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 10 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Perbadanan, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang berdasarkan keperluan Enakmen Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1971 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.


(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
25 OGOS 2023



**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG**

Saya, **Suzana bt. Hassan**, No. K/P 680705-07-5072, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang** dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan Nota-nota Kepada Penyata Kewangan di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di Pulau Pinang pada **14 APR 2023**)


.....
SUZANA BT. HASSAN



**PENYATA OLEH LEMBAGA
PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG**

Kami, **TUAN CHOW KON YEOW** dan **DATO' AZIZ BIN BAKAR** yang merupakan **Pengerusi** dan **Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan **PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG** dan anak syarikatnya pada 31 Disember 2022 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangan bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



YAB TUAN CHOW KON YEOW

PENGERUSI

14 APR 2023



DATO' AZIZ BIN BAKAR

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

14 APR 2023

PULAU PINANG

PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2022

		KUMPULAN		PPPP	
	NOTA	2022 RM	2021 RM	2022 RM	2021 RM
ASET BUKAN SEMASA					
Hartanah, Loji & Peralatan Tanah Dipegang Untuk Pembangunan	5	34,331,028	27,456,619	22,891,102	16,962,617
Pelaburan Hartanah Pada Nilai Saksama	6	1,394,885,249	1,636,111,539	1,400,510,253	1,645,085,691
Pelaburan Hartanah Pada Nilai Kos	7	1,244,280,545	1,257,854,545	1,240,500,545	1,254,074,545
Aset Tidak Ketara	8	6,136,820	2,929,607	6,136,820	2,929,607
Pelaburan Anak Syarikat	9	47,416	56,224	47,416	56,224
Pelaburan Syarikat Bersekutu	10	-	-	63,085,000	63,085,000
Pelaburan	11	92,685,022	94,582,315	63,995,730	63,995,730
Aset Cukai Tertunda	12	476,002,744	448,233,357	470,933,244	448,233,357
Penghutang	13	56,937,401	7,158,424	57,659,000	7,609,000
	16	82,040,570	32,619,060	82,040,570	32,619,060
		3,387,346,795	3,507,001,690	3,407,799,680	3,534,650,831
ASET SEMASA					
Barangniaga	14	165,342,443	187,472,387	165,349,163	187,563,421
Hartanah Dalam Pembangunan	15	1,578,382,958	1,354,718,865	1,567,019,830	1,339,106,094
Penghutang	16	122,826,152	187,378,637	118,091,184	182,867,222
Penghutang Anak Syarikat	17	-	-	87,773	225,851
Cukai Boleh Dituntut Semula		2,039,260	1,548,523	-	-
Pelaburan Dalam Pasaran Wang Pada Nilai Saksama	18	298,749,852	412,208,948	246,479,308	350,679,471
Deposit Jangka Pendek	19	28,917,304	34,813,352	20,300,000	24,925,000
Wang Tunai & Baki Di Bank	20	19,075,450	16,909,494	14,321,896	14,544,745
		2,215,333,419	2,195,050,206	2,131,649,154	2,099,911,804
Jumlah Aset		5,602,680,214	5,702,051,896	5,539,448,834	5,634,562,635
EKUITI					
DIBIAYAI OLEH :					
Rizab	21	2,966,088,360	2,896,695,228	2,925,794,472	2,854,601,188
LIABILITI BUKAN SEMASA					
Pemiutang Sewa Beli	22	62,557	86,643	-	-
Pemiutang	23	340,568,487	167,125,468	340,568,487	167,125,468
Peruntukan	24	799,600,453	811,755,570	788,192,434	800,616,407
Pinjaman Bank	25	443,285,000	583,675,000	443,285,000	583,675,000
Pinjaman Kerajaan	26	102,600,000	124,176,928	102,600,000	124,176,928
Dana Tenggela	27	2,752,304	2,690,023	-	-
Geran Kerajaan Tertunda	28	347,748,698	360,251,156	347,748,698	360,251,156
		2,036,617,499	2,049,760,788	2,022,394,619	2,035,844,959

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya

PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (SAMBUNGAN) PADA 31 DISEMBER 2022

		KUMPULAN		PPPP	
	NOTA	2022 RM	2021 RM	2022 RM	2021 RM
LIABILITI SEMASA					
Pemiutang Sewa Beli	22	24,086	21,143	-	-
Pemiutang	23	343,961,222	292,326,683	332,079,599	277,794,422
Peruntukan	24	100,239,187	125,841,606	100,239,187	125,841,606
Pinjaman Bank	25	101,825,000	290,680,000	101,825,000	290,680,000
Pinjaman Kerajaan	26	7,200,000	13,976,455	7,200,000	13,976,455
Pemiutang Anak Syarikat	29	-	-	3,454,511	3,581,671
Peruntukan Cukai		19,870,554	20,092,632	19,607,140	19,584,973
Geran Kerajaan Tertunda	28	15,762,526	541,415	15,762,526	541,415
Skim PEKA PKS & Pelancongan	30	11,091,780	12,115,946	11,091,780	12,115,946
		599,974,355	755,595,880	591,259,743	744,116,488
JUMLAH LIABILITI		2,636,591,854	2,805,356,668	2,613,654,362	2,779,961,447
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		5,602,680,214	5,702,051,896	5,539,448,834	5,634,562,635

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya

PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	NOTA	KUMPULAN		PPPP	
		2022 RM	2021 RM	2022 RM	2021 RM
Operasi Berterusan					
Pendapatan Kendalian	31	342,887,467	640,139,671	328,579,300	629,973,508
Kos Kendalian	32	(187,229,985)	(421,144,982)	(180,155,929)	(413,362,122)
Keuntungan Kasar Dari Kendalian		155,657,482	218,994,689	148,423,371	216,611,386
Pendapatan Pelbagai	33	41,587,637	61,643,894	38,894,737	60,205,705
		197,245,119	280,638,583	187,318,108	276,817,091
Perbelanjaan Pentadbiran		(86,136,829)	(68,935,219)	(77,865,930)	(62,875,061)
Perbelanjaan Jualan & Pemasaran		(2,970,953)	(2,397,247)	(3,387,583)	(2,571,397)
Perbelanjaan Kewangan	34	(28,959,443)	(35,424,106)	(28,955,223)	(35,421,152)
Perbelanjaan Pelbagai	35	(5,839,174)	(740,096)	(5,839,174)	(124,797)
		(123,906,399)	(107,496,668)	(116,047,910)	(100,992,407)
		73,338,720	173,141,915	71,270,198	175,824,684
Campur: Bahagian Keuntungan Syarikat Bersekutu		6,552,858	2,798,329	-	-
Keuntungan Tahun Semasa Sebelum Cukai	36	79,891,578	175,940,244	71,270,198	175,824,684
Perbelanjaan Cukai	39	(26,873,248)	(35,196,925)	(22,776,802)	(31,645,641)
Keuntungan Bersih Tahun Semasa		53,018,330	140,743,319	48,493,396	144,179,043
(Kerugian) / Keuntungan Komprehensif Lain:					
Perubahan Nilai Saksama Bagi Aset Kewangan Untuk Dijual		22,699,888	9,275,837	22,699,888	9,275,837
Bahagian Komprehensif Lain Daripada Syarikat Bersekutu		(6,325,086)	6,267,902	-	-
Jumlah Keuntungan / (Kerugian) Komprehensif lain		16,374,802	15,543,739	22,699,888	9,275,837
Pendapatan Komprehensif Tahun Semasa		69,393,132	156,287,058	71,193,284	153,454,880
(Kerugian) / Keuntungan Bersih Tahun Semasa Bagi:					
Kepentingan Tak Mengawal		-	(13,494)	-	-
Pemilik Perbadanan Induk		53,018,330	140,756,813	48,493,396	144,179,043
		53,018,330	140,743,319	48,493,396	144,179,043
(Kerugian) / Keuntungan Komprehensif Tahun Semasa Bagi:					
Kepentingan Tak Mengawal		-	(13,494)	-	-
Pemilik Perbadanan Induk		69,393,132	156,300,552	71,193,284	153,454,880
		69,393,132	156,287,058	71,193,284	153,454,880

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya

PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

RIZAB BOLEH DIAGIHKAN KEPADA PEMILIK PERBADANAN INDUK						
	KEUNTUNGAN TERKUMPUL RM	RIZAB PENYATUAN RM	RIZAB NILAI SAKSAMA RM	JUMLAH RM	KEPENTINGAN TAK MENGAWAL RM	JUMLAH EKUITI RM
KUMPULAN						
Baki Pada 1 Januari 2021	2,447,331,550	7,033,551	286,029,575	2,740,394,676	(251,703)	2,740,142,973
Keuntungan / (Kerugian) Bersih Tahun Semasa	140,756,813	-	-	140,756,813	(13,494)	140,743,319
Keuntungan Komprehensif Lain	-	-	15,543,739	15,543,739	-	15,543,739
Kesan Peningkatan Pegangan Dalam Anak Syarikat	-	-	-	-	265,197	265,197
Baki Pada 31 Disember 2021	2,588,088,363	7,033,551	301,573,314	2,896,695,228	-	2,896,695,228
Baki Pada 1 Januari 2022	2,588,088,363	7,033,551	301,573,314	2,896,695,228	-	2,896,695,228
Keuntungan Bersih Tahun Semasa	53,018,330	-	-	53,018,330	-	53,018,330
Keuntungan Komprehensif Lain	-	-	16,374,802	16,374,802	-	16,374,802
Baki Pada 31 Disember 2022	2,641,106,693	7,033,551	317,948,116	2,966,088,360	-	2,966,088,360

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya

PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG PENYATA PERUBAHAN EKUITI (SAMBUNGAN) BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

RIZAB BOLEH DIAGIHKAN KEPADA PEMILIK PERBADANAN INDUK

	KEUNTUNGAN TERKUMPUL RM	RIZAB NILAI SAKSAMA RM	JUMLAH EKUITI RM
PPPP			
Baki Pada 1 Januari 2021	2,403,696,498	297,449,810	2,701,146,308
Keuntungan Bersih Tahun Semasa	144,179,043	-	144,179,043
Keuntungan Komprehensif Lain	-	9,275,837	9,275,837
Baki Pada 31 Disember 2021	2,547,875,541	306,725,647	2,854,601,188
Baki Pada 1 Januari 2022	2,547,875,541	306,725,647	2,854,601,188
Keuntungan Bersih Tahun Semasa	48,493,396	-	48,493,396
Keuntungan Komprehensif Lain	-	22,699,888	22,699,888
Baki Pada 31 Disember 2022	2,596,368,937	329,425,535	2,925,794,472

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya

PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	KUMPULAN		PPPP	
	2022 RM	2021 RM	2022 RM	2021 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI				
Keuntungan Tahun Semasa Sebelum Cukai	79,891,578	175,940,244	71,270,198	175,824,684
Pelarasan Untuk:-				
Bahagian Keuntungan Syarikat Bersekutu	(6,552,858)	(2,798,329)	-	-
Belanja faedah	28,959,443	35,424,106	28,955,223	35,421,152
Geran Kerajaan Tertunda Dipulihkan	4,508,153	(9,111,377)	4,508,153	(9,111,377)
Hutang Lapuk	35,408	1,710	43,124	13,956
Kerugian Pembelian Melalui Tawaran	-	615,197	-	-
Pelarasan Hartanah, Loji & Peralatan	-	(3)	-	(3)
Pelarasan Nilai Saksama Pelaburan Hartanah	5,552,805	(21,119,297)	5,552,805	(21,119,297)
Pelunasan Aset Tidak Ketara	17,153	22,412	17,153	22,412
Pelunasan Geran Kerajaan Tertunda	(3,384,662)	-	(3,384,662)	-
Pelupusan Aset Tidak Ketara	1,655	-	1,655	-
Pelupusan Cukai Barang & Perkhidmatan	42,579	(319)	42,579	-
Pelupusan Deposit Dan Pemiutang	(234,000)	(456,997)	-	-
Pelupusan Hartanah, Loji & Peralatan	125,802	274,247	7,575	272,530
Pelupusan Pelaburan	1	-	1	-
Pelupusan Pelaburan Anak Syarikat	-	2	-	-
Pelupusan Pendahuluan	-	1,628	-	-
Penarikbalikan Rosot Nilai Pelaburan Anak Syarikat	-	-	(2)	-
Penarikbalikan Peruntukan Hutang Ragu	(13,675,266)	-	(13,675,266)	-
Pendapatan Daripada Pelaburan Bon	(192,123)	-	-	-
Pendapatan Faedah & Dividen	(27,930,780)	(32,508,699)	(35,174,053)	(43,856,492)
Peruntukan Hutang Ragu	14,660,625	18,413,871	14,632,372	18,411,976
Peruntukan Hutang Ragu Dipulihkan	(4,180,284)	-	(4,179,084)	-
Rugi / (Untung) Atas Jualan Hartanah, Loji & Peralatan	(62,874)	18,487	6,371	(6,072)
Susut Nilai Hartanah, Loji & Peralatan	2,995,709	2,625,719	1,665,272	1,470,695
Untung Atas Jualan Pelaburan Hartanah	(244,452)	(4,200)	(244,452)	(4,200)
Untung Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja	80,333,612	167,338,402	70,044,962	157,339,964
Kurangan Dalam Barangniaga	22,129,944	2,996,116	22,214,258	2,944,946
Kurangan Dalam Hartanah Dalam Pembangunan	11,162,669	37,033,482	10,262,174	38,449,241
Kurangan Dalam Penghutang	19,770,635	59,624,864	20,087,562	53,818,531
Tambahan / (Kurangan) Dalam Pemiutang	224,940,806	(2,142,787)	227,230,284	(2,160,268)
(Kurangan) / Tambahan Dalam Peruntukan	(31,165,287)	103,684,227	(31,434,143)	104,000,967
Tambahan Dalam Geran Kerajaan Tertunda	1,595,162	8,261,574	1,595,162	8,261,574
(Kurangan) / Tambahan Dalam Skim PEKA PKS & Pelancongan	(1,024,166)	3,010,846	(1,024,166)	3,010,846
	327,743,375	379,806,724	318,976,093	365,665,801
Cukai Dibayar	(76,325,279)	(38,313,310)	(72,804,635)	(33,496,968)
Cukai Dibayar Balik	126,335	484,989	-	-
Tunai Dijana Dari Operasi	251,544,431	341,978,403	246,171,458	332,168,833

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya

PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG PENYATA ALIRAN TUNAI (SAMBUNGAN) BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

NOTA	KUMPULAN		PPPP	
	2022 RM	2021 RM	2022 RM	2021 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN				
Penerimaan Agihan Balik Modal Dari Syarikat Bersekutu	-	1,960,000	-	1,960,000
Pembelian Aset Tak Ketara	(10,000)	(10,000)	(10,000)	(10,000)
Pembelian Tanah Dipegang Untuk Pembangunan	(394,464)	(173,244,819)	(394,464)	(173,252,247)
Bayaran Balik Tanah Dipegang Untuk Pembangunan	1,508,638	35,635,932	1,508,638	35,635,932
Pembelian Hartanah, Loji & Peralatan	(10,032,406)	(4,420,572)	(7,612,435)	(2,011,177)
Pembelian Pelaburan Bon	(5,069,500)	-	-	-
Pembelian Pelaburan Hartanah	(7,791,040)	(1,672,639)	(7,791,040)	(1,672,639)
Pembelian Kepentingan Ekuiti Tambahan Dalam Anak Syarikat	-	(350,000)	-	-
Hasil Jualan Anak Syarikat	-	-	2	-
Hasil Jualan Hartanah, Loji & Peralatan	99,360	77,346	4,732	37,076
Hasil Jualan Pelaburan Hartanah	11,500,000	42,000	11,500,000	42,000
Faedah Diterima	4,870,120	3,618,495	4,800,978	3,557,537
Dividen Diterima	22,686,059	31,617,384	28,977,224	38,718,129
Pendapatan daripada Pelaburan Bon Diterima	128,082	-	-	-
Tunai Dijana / (Digunakan) Dari Aktiviti Pelaburan	17,494,849	(106,746,873)	30,983,635	(96,995,389)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Bayaran Balik Pinjaman Kerajaan	(28,353,383)	(120,629,531)	(28,353,383)	(120,629,531)
Terimaan Pinjaman Bank	-	356,400,000	-	356,400,000
Bayaran Balik Pinjaman Bank	(329,245,000)	(286,395,000)	(329,245,000)	(286,395,000)
Faedah Dibayar	(28,608,942)	(35,139,744)	(28,604,722)	(35,136,790)
Terimaan Pinjaman Sewa Beli	-	122,600	-	-
Bayaran Balik Sewa Beli	(21,143)	(14,814)	-	-
Tunai Digunakan Dari Aktiviti Pembiayaan	(386,228,468)	(85,656,489)	(386,203,105)	(85,761,321)
Tambahan Dalam Tunai Dan Seumpamanya	(117,189,188)	149,575,041	(109,048,012)	149,412,123
Tunai & Seumpamanya Pada Awai Tahun	463,931,794	314,356,753	390,149,216	240,737,093
Tunai & Seumpamanya Pada Akhir Tahun @	346,742,606	463,931,794	281,101,204	390,149,216
@ Tunai & Seumpamanya Pada Akhir Tahun Terdiri Dari:-				
Pelaburan Dalam Pasaran Wang Pada Nilai Saksama	18	298,749,852	412,208,948	246,479,308
Deposit Jangka Pendek	19	28,917,304	34,813,352	20,300,000
Wang Tunai & Baki Di Bank	20	19,075,450	16,909,494	14,321,896
		346,742,606	463,931,794	281,101,204
		346,742,606	463,931,794	390,149,216

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya

PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

1. AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (Perbadanan) telah ditubuhkan di bawah Enakmen Negeri Pulau Pinang No. 10 Tahun 1971 dan Enakmen Pindaan 1972, 1974 dan 1982 bagi tujuan pembangunan ekonomi negeri serta melaksanakan Dasar Kerajaan bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Aktiviti utama Perbadanan adalah menggalakkan pembangunan perindustrian, perniagaan dan kawasan perumahan. Perbadanan juga terlibat dalam pembangunan dalam dan luar bandar dan pembangunan semula, tebusguna tanah dan pembangunan kawasan perindustrian serta menceburi bidang pelaburan.

Tiada perubahan penting dalam aktiviti-aktiviti utama Perbadanan dalam tahun kewangan yang dilaporkan.

Aktiviti-aktiviti utama bagi anak-anak syarikat telah dinyatakan dalam Nota 10 pada penyata kewangan.

2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan Kumpulan dan Perbadanan telah disediakan berdasarkan *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS). Penyata Kewangan Kumpulan dan Perbadanan juga telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dan mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia, Peruntukan Arahan Perbendaharaan, Akta Acara Kewangan 1957, Akta Lembaga Kemajuan Wilayah dan lain-lain undang-undang bertulis berkaitan kewangan, harta-harta dan rekod-rekod perakaunan.

